


Jilid III
Bil. 31



Hari Isnin
23hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5897]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) [Ruangan 5960]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2)
[Ruangan 5987]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1989 [Ruangan 5993]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD; D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar). S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.S. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun),
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI Dusuki BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing),
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL AsANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **PS.** (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PTITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHNG SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N, Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 23hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mern-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir).

**SUBSIDI KEPADA NELAYAN
KECIL**

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) berapa ramai nelayan Kedah yang telah diberi subsidi pukat, motor, bot kepada nelayan-nelayan kecil sejak 1986 hingga Jun 1989;

(b) adakah Kementerian telah mengadakan penempatan nelayan-nelayan kecil miskin di pantai-pantai negeri Kedah; dan

(c) adakah rancangan Kementerian untuk mewujudkan penempatan semula nelayan di dalam kawasan Daerah Yan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak ada program subsidi pukat motor atau bot untuk menangkap ikan kepada nelayan-nelayan kecil sejak tahun 1986 hingga Jun 1989.

Walau bagaimanapun, LKIM sedang melaksanakan satu projek iaitu projek teraak air di mana bantuan ada diberi sebagai insentif kepada para peserta ternak ikan dalam sangkar dengan syarat-syarat peserta hendaklah nelayan yang telah mengusahakan atau menunjukkan minat dan kejayaan menjalankan projek ternakan ikan dalam sangkar. Mereka juga dikehendaki membuat 28 unit sangkar. Kos keseluruhan projek sebanyak \$35,000 di mana LKIM memberi bantuan pukat untuk sangkar bernilai \$9,000. Baki \$26,000 dipohon melalui pinjaman SPKP dengan kadar 4% untuk tujuan membuat rangka sangkar, membeli benih dan makanan ikan. Sehingga Jun 1989 seramai 12 orang peserta dari projek ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Merbuk telah menerima bantuan ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan iaitu sejak tahun 1986 tidak ada peruntukan subsidi yang

diberi kepada nelayan-nelayan. Saya ingin bertanya di sini sebelum itu iaitu tahun 1980-1986 ataupun 1976-1986 adakah subsidi ini telah diberi kepada nelayan-nelayan. Kalau ya, apakah sebabnya diberhentikan sejak tahun 1986.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut ingatan saya ada subsidi diberi sebelum 1986. Skim ini telah diberhentikan kerana kita dapati bahawa bantuan secara subsidi tidak akan mendatangkan faedah kepada nelayan-nelayan. Jadi, skim itu telah di berhenti ditukar kepada skim pinjaman untuk nelayan-nelayan. Di dalam skim pinjaman itu adalah SKK, program yang ada ialah SKK iaitu Skim Kemudahan Kewangan dengan tiada dikenakan kadar faedah. Kemudian skim ini telah ditukar menjadi SPKP iaitu Skim Pemusatan Kredit Pertanian dengan kadar faedah 4%.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan lagi yang masih belum dijawab oleh Kementerian iaitu soalan (b) dan (c).

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan (b) dan (c) pada masa ini Kementerian tidak ada program khusus penempatan atau perumahan nelayan di pantai-pantai di Negeri Kedah ataupun di kawasan Yan. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1981 LKIM telah menjalankan satu projek iaitu projek ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Merbuk, Kedah. Sebanyak 100 orang peserta di kawasan tersebut yang terdiri daripada nelayan kecil dan berjimat telah dipilih. Untuk memudahkan nelayan-nelayan mengurus projek ternakan dalam sangkar secara yang lebih berkesan, mereka telah ditempatkan di perkampungan nelayan Tanjung Dawai.

HARTANAH—PEMBELIAN WARGANEGARA ASING

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilangan warganegara asing yang membeli harta-harta dan bangunan sejak kanun tanah negara dipinda;
- (b) bilangan warganegara asing yang bermastautin di Malaysia sejak kanun tanah tadi dipinda;
- (c) dimanakah kawasan sasaran warganegara asing itu;
- (d) warganegara manakah yang terlibat bila pindaan kanun itu berkuatkuasa; dan
- (e) bersetujukah Yang Berhormat bahawa pindaan itu lebih banyak membawa kesan negatif kepada negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sebenarnya tidak mempunyai maklumat ataupun data lengkap tentang apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat. Tetapi untuk maklumat bersama sejak Akta Tanah ini dipinda pada 25-3-1985, kita mempunyai maklumat sedikit sebanyak mengenai pemilikan tanah oleh warganegara asing.

Jadi, untuk maksud Yang Berhormat, daripada 1hb Januari, 1987 hingga 31hb Julai, 1989 pemilikan oleh warganegara asing mengikut pecahan negeri-negeri ialah:

Negeri	Pertanian	Bangunan	Industri
Johor	273 hektar	8 hektar	3 1/2 hektar
Melaka	2 1/2 hektar	1/2 hektar	2 hektar
Perak	(tiada maklumat pada waktu ini)		
Kedah.. .. .	1/2 hektar	—	3 hektar
Negeri Sembilan	Tiada		TUda 4 hektar
Terengganu . . .	23 1/2 hektar	3 1/2 hektar	—
Selangor	112 hektar	1/2 hektar	—
(Wilayah Persekutuan	(tiada maklumat pada waktu ini)		
Pulau Pinang .. .	2 1/2 hektar	8 hektar	—

Untuk soalan (b) pula, soalan ini nampaknya tidak ada kaitan secara langsung dengan Kementerian saya tetapi mempunyai kaitan langsung dengan Kementerian Dalam Negeri.

Untuk (c) dan (d), mengikut data yang ada negeri-negeri yang menjadi tumpuan pembelian tanah-tanah oleh warganegara asing atau syarikat asing ialah Johor, Pulau Pinang, Melaka dan Terengganu. Untuk ini sejak Kanun Tanah Negara dipinda, kebanyakan urusan niaga dan pindah milik adalah kepada warganegara Singapura.

Untuk soalan (e) soalan Yang Berhormat sama ada ianya lebih banyak membawa kesan negatif atau positif dalam perkara urusan niaga dengan warganegara asing, ini saya rasa kajiannya perlu dibuat sekali lagi dengan cara terperinci. Bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengawasi keadaan supaya kepentingan rakyat Malaysia tetap terpilih. Kawalan-kawalan secara pentadbiran sememangnya sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing dan juga oleh Kerajaan Pusat iaitu melalui Foreign Investment Committee atau singkatnya FIC, dalam Bahasa Malaysiannya, Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ingin saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar tentang satu perkembangan yang amat tidak sihat baru-baru ini di mana ramai warganegara asing yang datang dari Taiwan, Hong Kong dan Jepun telah membeli hartanah termasuk bangunan-bangunan, kompleks-kompleks hotel-hotel, pejabat-pejabat dan kondominium-kondominium di Kuala Lumpur di mana akibat dari pembelian ini secara besar-besaran, orang-orang tempatan terjejas memandang bahawa apabila

warganegara asing telah membeli harta itu mereka menaikkan harganya dan orang-orang tempatan ini tidak mampu untuk menyewa bangunan-bangunan ataupun pejabat-pejabat yang berkaitan. Sekiranya Yang Berhormat sedar tentang perkara ini, saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan orang-orang tempatan ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara untuk mencegah warganegara asing dari membeli harta ini secara besar-besaran sehingga kepentingan orang tempatan terjejas.

Yang kedua, adakah Kementerian beliau menerima satu memorandum daripada Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau CAP di mana mereka telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Sepertimana dalam jawapan asal saya, salah sebuah badan yang mengawal hal-hal urusan niaga hartanah ini ialah FIC. Kebimbangan Yang Berhormat itu tentulah ada asas. Bagaimanapun, kalau kita belajar daripada apa yang berlaku di tempat lain, tidak perlu sangat kita bimbang kerana di samping kita mempunyai kawalan, kita mempunyai pengalaman dan sejarah di tempat lain yang menjadi panduan kita umpamanya di London. Pada suatu masa dahulu London diserang oleh pelabur-pelabur daripada negara-negara Arab sehingga menimbulkan banyak reaksi yang agak nationalistic dan juga racialistic tentang kecenderungan mereka membeli bangunan-bangunan dan juga hartanah-hartanah di London. Tetapi sepertimana juga kegiatan niaga lain, apabila kelihatan peluang untuk membuat duit ataupun keuntungan

yang menjadi asas di dalam sebarang pertimbangan niaga, maka bertukar tangan balik bangunan-bangunan yang dibeli ketika keadaan di London dahutu meleset, kerana orang-orang tempatan tidak mampu memegang hartanah yang ada. Jadi keadaan sekarang sudah hampir balik kepada keadaan yang asal.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat bertanya sama ada kita bercadang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara ini. Akta ini, sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berkata, bukanlah seperti Al-Quran yang tidak boleh dipinda, tetapi pindaan hendaklah mempunyai asas dan juga pertimbangan yang sewajarnya. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, Akta Kanun Tanah Negara telah beberapa kali dipinda—mulanya dalam tahun 1966 dan akhirnya kita pinda lagi dalam tahun 1985, dan baru-baru ini kita pinda semula. Sebarang Akta dan pindaan Akta adalah diasaskan kepada latarbelakang dan keadaan yang sentiasa berubah.

Soalan yang ketiga ialah soal memo dari CAP. Saya sebenarnya tidak tahu sama ada CAP sudah menghantarnya ke Kementerian saya, tetapi saya ada terbaca di dalam akhbar bahawa CAP sangat, dengan izin, "concerned," terhadap perkembangan urusan niaga tanah ini hasil daripada pindaan Akta yang dimaksudkan ini. Jadi, concern, dengan izin, CAP itu amatlah kita hargai kerana ini menunjukkan rasa tanggungjawab pihak CAP terhadap apa yang berlaku di negara ini. Tetapi buat kata penutup saya katakan bahawa orang-orang Kerajaan kita, pegawai-pegawai kita ataupun pihak-pihak yang mengaggotai FIC adalah sama-sama sedar dan bertanggungjawab terhadap kepentingan negara kita; dalam perkara ini, berkaitan dengan urusan niaga hartanah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kerajaan tahu dengan pindaan tanah ini rakyat Johor sekarang menjadi gelisah dan tidakkah Kerajaan tahu rakyat Malaysia dari semua kaum masih dahaga dan masih terhimpit dengan tanah tetapi tunggu pemberian Kerajaan tidak dapat dan hendak beli dengan duit sendiri tidak ada. Dengan sebab itu bila Akta ini diluluskan maka peluang bagi rakyat asing begitu sekali luas dan tidakkah kita yakin dengan pindaan ini merupakan senjata menikam tuan sendiri dan kalau keris pun, keris tikam tuan. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang kita maklum di Johor sama ada bangunan ataupun tanah telah banyak terlepas ke tangan rakyat asing. Sebab itulah timbul kegelisahan begitu banyak khususnya rakyat Johor sendiri dan kalaulah Kerajaan menyedari apa yang berlaku ini mungkin keadaan itu akan melibatkan seluruh negara.

Saya minta jaminan daripada Kerajaan apakah Kerajaan akan mengambil tindakan segera untuk meminda kembali Akta ini kerana Akta ini kalau matlamat Kerajaan untuk meniaga atau mencari untung, maka inilah sebagaimana pepatah orang tua kata:

Berniaga Pak Kaduk,

Untung sekarang,

Rugi seguni.

Oleh sebab itu saya rasa Kerajaan patut mengambil sikap lebih awal supaya Akta ini dikaji dan kalau sekiranya dalam jangka panjang ia akan merugi, biarlah dapat buat pindaan lebih cepat. Saya minta jaminan daripada pihak Kerajaan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, hamba tidak boleh memberi jaminan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita sedar tentang apa yang berlaku di Johor. Maklumat yang saya berikan tentang Johor tadi, tanah yang terlibat tidaklah banyak, tidak begitu besar. Bagaimanapun, rasa kesedaran terhadap apa yang berlaku oleh Saudara Yang Berhormat itu bersama-sama dikongsi oleh pihak Kerajaan.

Saya ingin ulangkan semula contoh dan pengalaman yang saya sebutkan tentang apa yang berlaku di London dalam tahun-tahun 1970an dulu. Salah satu perkara setelah orang luar membeli tanah atau bangunan di negara kita, hartanah tidak boleh bawa keluar negeri. Sampai waktu nanti pelabur-pelabur asing terasa terlalu mahal. Bila ada peluang mendapat keuntungan, dia akan jual. Untung atau tidak tertakluk kepada hukum dan mekanisme pasaran. Ia tidak boleh mencari untung sahaja dan tidak mestinya untung. Kena dengan masa, tentulah mereka menjual pula.

Sama ada perbuatan ini akan menikam diri kita, ini bergantung kepada maklumat yang kita ada. Kalau ada wabak demam, sebagai contoh, sedangkan yang terlibat seorang dua sahaja, tentulah perkara itu tidak sampai hilang pertimbangan pihak Kerajaan. Tetapi apabila Kerajaan sudah dapati umpamanya 50% daripada penduduk demam, tentulah ianya akan mendesak Kerajaan mengambil sesuatu langkah yang radical dan drastic. Begitu juga berkaitan dengan urusniaga tanah ini. Apabila kecenderongannya terlalu lebih bolehlah kita mempertimbangkan langkah-langkah tegas. Mereka yang menganggotai FIC itu juga bukanlah calang-calang orang. Tentang soal Pak Kaduk itu, saya tidak tahu ramai orang faham atau

tidak soal Pak Kaduk ini. Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin kita dan pegawai-pegawai kita dalam Kerajaan Malaysia ini lebih hemahnya daripada Pak Kaduk yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Terima kasih.

KEHIDUPAN LIAR HAMPIR PUPUS—BABI HUTAN

5. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa bilangan Specie mergastua yang telah pupus. semenjak tahun 1957; adakah babi hutan termasuk di dalam kategori "akan pupus" sehingga langkah penjagaannya dianggap lebih penting daripada membasmi kemiskinan di kalangan rakyat desa. Setakat ini, berapa orangkah rakyat yang ditangkap dan dihukum akibat membunuh babi hutan yang merosakkan tanaman.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebarang specie kehidupan liar yang telah pupus di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1957. Mengenai babi hutan, binatang ini tidak termasuk di dalam kategori yang akan pupus, akan tetapi binatang ini diperindungi di bawah Akta Perlindungan Kehidupan Liar 1972. Namun demikian, di bawah seksyen 55 Akta tersebut, penduduk atau pemunya tanah dibenarkan menembak atau membunuh binatang tersebut jika ianya menyebabkan kerosakan kepada tanaman. Orang ramai adalah juga dibenarkan menembak babi hutan dengan syarat mereka mempunyai lesen untuk berlakukannya.

Mengenai soalan sama ada adakah sesiapa yang ditangkap atau dihukum kerana membunuh babi hutan yang merosakkan tanaman, jawapannya ialah belum ada sesiapa yang ditangkap ataupun dihukum.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan tadi, Timbalan Menteri menyebut bahawa babi hutan tidak masuk di dalam kategori yang akan pupus. Kalau begitu, mengapa diadakan sekatan-sekatan secara diadakan undang-undang untuk menahan rakyat miskin yang kebanyakannya petani di pinggir-pinggir hutan daripada mengambil tindakan-tindakan mengawal babi hutan ini kerana saya mendapat tahu bahawa babi hutan adalah satu jenis binatang yang sungguh "prolitic", dengan izin, ataupun sungguh membiak. Seekor ibu boleh beranak dalam satu tahun 10 ekor anak. Jadi, apa yang dialami oleh penduduk-penduduk miskin di pinggir hutan ialah mereka ini selalu diharass, dengan izin, oleh pegawai-pegawai mergastua apabila mereka mengambil tindakan untuk menjaga tanaman-tanaman mereka dan baru-baru ini seorang petani miskin telah ditangkap oleh pegawai mergastua dan dihadapkan ke mahkamah. Tadi Timbalan Menteri menyebutkan tidak ada tangkapan tetapi ada tangkapan di kawasan saya iaitu di kawasan Padang Terap.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijawab dalam jawapan saya sebenar tadi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa walaupun babi hutan bukan sejenis binatang liar yang berhampir pupus atau tidak masuk ke dalam senarai binatang liar yang merbahaya menghadapi kepupusan tetapi tujuan babi hutan dilindungi seperti kita maklum ialah untuk menentukan supaya terdapat babi hutan yang mencukupi untuk dijadikan makanan untuk kehidupan liar seperti harimau. Babi hutan

merupakan makanan utama harimau. Jikalau tidak, harimau itu mungkin akan mengancam lain-lain binatang yang dibiakan oleh penduduk-penduduk yang diduduki kehampiran dengan hutan. Lesennya dikeluarkan dengan syarat kerana dengan melesenkan penembakan babi hutan bayaran lesen yang dikenakan juga menjadi hasil kepada negara khususnya kepada negeri masing-masing.

Mengenai soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhonnat dari Padang Terap, ada seorang petani yang ditangkap kerana menembakkan babi hutan, saya minta maaf kerana saya tidak ada maklumat mengenai perkara ini. Saya akan siasat mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa babi hutan bukanlah masuk dalam kategori kehidupan liar yang akan pupus. Maka bolehkah saya minta Timbalan Menteri berkenaan memberi lima contoh jenis kehidupan liar yang akan pupus? Adakah orang hutan, contohnya, burung kenyalang ataupun "white leopards" itu di dalam kategori yang akan pupus?

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai specie-specie yang akan pupus jikalau hutan-hutan rimba musnah, maka sejauhmanakah telah specie-specie yang tersebut di atas diugut oleh industri penebangan kayu dan kegiatan pertanian ataupun "poaching"? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjamin "conservation" supaya hadiah-hadiah daripada Tuhan dalam bentuk specie-specie yang sukar didapati dalam dunia ini dapat terus dijamin? Itu sahaja.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, species yang sangat berkurangan sekarang atau yang akan menghadapi bahaya kepupusan ialah binatang-binatang seperti badak-kerbau, gajah, seladang, harimau atau

orang utan dan Jabatan Perhilitan di Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah atau menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menyelamatkan hidupan-hidupan liar ini daripada kepupusan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk konservasi hidupan Har, terutamanya terhadap hidupan liar yang menghadapi bahaya kepupusan, di antaranya ialah mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan research perlindungan hidupan liar dan Taman Negara, mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang, menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan hidupan liar dan program-program pendidikan dan pengembangannya untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada orang ramai, terutamanya murid-murid sekolah akan kepentingan konservasi hidupan liar. Di samping itu, Kementerian saya juga ada menjalankan operasi pemindahan gajah-gajah liar ke dalam taman-taman research.

BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH—KEKURANGAN

6. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapakah masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah dalam masa lima tahun akan datang boleh wujud; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan persekolahan adalah merupakan satu perkhidmatan sosial yang diberikan oleh Kerajaan dan keperluan ini sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah boleh berlaku kerana pertambahan penduduk di sesuatu kawasan penempatan atau kerana

wujudnya kawasan-kawasan penempatan baru. Untuk mengatasi masalah kekurangan bilik darjah ini, pembinaan sekolah baru telah, sedang dan akan dilaksanakan. Selain daripada itu, projek-projek untuk membina bilik-bilik darjah tambahan secara berperingkat dilaksanakan di seluruh negara.

Pihak Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$800 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) bagi program pendidikan sekolah rendah di seluruh negara,

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengenai sekolah-sekolah rendah. Daripada \$800 juta yang telah diperuntukkan sehingga tahun 1990, berapa juta lagi yang baki dan berapa bangunan sekolah yang belum lagi didirikan daripada sekarang, hampir akhir tahun 1989.

Yang kedua, berdasarkan satu tahun lebih yang akan datang dan masih banyak lagi "spill over", dengan izin, ataupun lebih dalam jangkaan kelahiran dan bilangan murid-murid sekolah rendah ini, apakah rancangan Kementerian Pendidikan selepas 1990. Berapakah dalam jangkaan Kementerian mengadakan peruntukan untuk mengatasi masalah lebihan murid-murid di sekolah rendah yang akan berbangkit kekurangan darjah bagi murid-murid ini selepas tahun 1990 tentang perbelanjaan dan bilangan sekolahnya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan berapa juta ringgit yang sudah dibelanjakan tetapi pada 1hb Mac, 1989 daripada semua jumlah projek bilik darjah ialah 10,375 buah bilik darjah, 64% sudah disiapkan dan Kementerian Pendidikan yakin pada akhir tahun 1990 hampir 95% bilik darjah yang dirancang akan disiapkan.

Kementerian Pendidikan belum tahu peruntukan untuk tempoh dalam Rancangan Malaysia Keenam berapa peruntukan akan diberikan, tetapi sebab ini satu keperluan sosial untuk pembinaan negara dan untuk faedah anak-anak kita, kita yakin Kerajaan akan memberikan peruntukan yang cukup ataupun dapat pinjaman dari Bank Dunia juga untuk keperluan negara kita itu.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah bakal murid sekolah di semua peringkat yang telah ditolak kemasukan akibat daripada ketiadaan bilik darjah yang pernah dikesan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya apabila mengkaji Laporan Kajian Rancangan Malaysia Kelima juga ada dilaporkan bahawa semua murid-murid yang berumur dari 6 tahun sampai 12 tahun 100% sudah masuk ke sekolah rendah dan ini bererti Kementerian Pendidikan tidak menolak anak-anak siapa pun untuk melapor atau belajar di sekolah. Sekiranya ada anak-anak yang tidak masuk ke sekoiah ini adalah sebab peribadi keluarga sendiri.

TUKUN TIRUAN MENGUNAKAN TAYAR BURUK

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kempen membuat tukun tiruan dengan menggunakan tayar-tayar buruk masih dijalankan, Setakat ini adakah hasil penangkapan ikan bertambah sejak kempen ini dilancarkan. Adakah Kerajaan bercadang hendak meluaskan kempen ini diperairan Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, kempen membuat tukun dengan menggunakan tayar-tayar buruk masih dijalankan. Dari pemerhatian Jabatan Perikanan didapati di tapak tukun tiruan terdapat banyak ikan yang berteduh, berkumpul dan membiak. Tapak kawasan tukun tiruan itu adalah kawasan larangan dan dilaporkan hasil tangkapan nelayan yang mengerjakan tangkapan di persekitaran tapak tukun tiruan ini telah meningkat.

Di Sabah dan Sarawak aktiviti pengumpulan tayar adalah dijalankan dari masa ke masa, tetapi ianya tidak dijalankan secara besar-besaran seperti yang dibuat di Semenanjung.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Kementerian Pertanian berapakah jumlah wang yang dikhaskan ataupun telah dibelanjakan untuk menjalankan kempen membuat tukun tiruan ini dan berapa buakkah negeri di Semenanjung Malaysia yang membuat tukun tiruan yang menggunakan tayar buruk ini dengan berkesan dan yang memberi faedah kepada para nelayan.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, bagi butir-butir yang terperinci itu saya tidak dapat memberi pada hari ini. Jikalau Yang Berhormat itu berminat mendapatkan butiran-butiran yang terperinci itu, saya akan menulis kepada Yang Berhonnat itu.

Berkenaan dengan tempat-tempat yang dijadikan sebagai tapak tukun tiruan di Semenanjung itu, boleh dikatakan seluruh pantai di Semenanjung telah dijadikan tapak tukun tiruan. Sekiranya Yang Berhormat itu hendak tahu tempat-tempat berkenaan, itu adalah senarai yang cukup panjang, saya tidak dapat beri kepada Yang Berhormat pada masa ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapakah jumlah tayar-tayar yang telah dapat ditehna dan telah pun dijadikan tukun tiruan sejak program ini dilancarkan?

Yang Kedua, adakah pihak Kementerian sedar dengan banyaknya tayar-tayar buruk ini yang separuhnya masih boleh dipakai lagi untuk dicelup. Saya dapat tahu banyak kilang-kilang pencelup tayar yang sekarang ini kekurangan tayar-tayar untuk mendapat balik. Oleh itu, tidak adakah pihak Kementerian bercadang selain tayar-tayar celup itu telah pun didapati, adakah pihak Kementerian akan serahkan kepada satu-satu syarikat khasnya bumiputera untuk menyelidik tayar-tayar itu di mana yang boleh dipakai, boleh dibeli, dijual balik ataupun yang tidak boleh terus itu kerana tayar itu memang untuk ditenggelamkan di dalam laut. Yang masih boleh dipakai itu bagi menolong kekurangan tayar-tayar sekarang untuk dicelup oleh kilang-kilang yang ada di negara kita ini.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, mungkin adanya tayar-tayar yang dikumpul itu masih boleh dicelup atau memulihkan semula, tetapi Kementerian ini tidak ada seseorang pakar yang dapat menentukan yang mana tayar dapat digunakan semula atau tidak, itu masalah pertama.

Masalah yang kedua ialah pegawai-pegawai yang akan dikhaskan untuk kerja itu saya ingat akan memakan belanja yang lebih daripada mendapat keuntungan daripada mengumpul tayar yang dapat dipulihkan semula.

HOSPITAL KERAJAAN— HUTANG PESAKIT

8. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah hutang

oleh para pesakit yang telah mendapat rawatan daripada hospital Kerajaan di seluruh negara yang berjaya dikutip sehingga 30-9-1989 berbanding dengan masa yang sama pada tahun 1988. Apakah langkah terbaru yang diambil oleh Kementerian untuk mendapatkan balik jumlah hutang terkumpul oleh para-para pesakit yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah hutang yang dapat dikutip dari 1hb Januari, 1989 sehingga 31hb Ogos, 1989 ialah sebanyak \$468,726.21, manakala jumlah hutang yang dapat dikutip dalam tempoh yang sama pada tahun 1988 ialah sebanyak \$509,135.47.

Berbagai langkah telah diambil dalam mendapatkan hutang-hutang terkumpul tersebut. Ini termasuklah menghantar surat peringatan dengan lebih kerap setiap dua minggu, menghubungi Ketua-ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan supaya membuat potongan gaji dan merampas jaminan bank bagi syarikat yang gagal membuat bayaran bil hospital, bagi kakitangan syarikat swasta. Langkah yang terbaru ialah mengeluarkan notis tuntutan guaman kepada si berhutang.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau mempunyai angka mengenai jumlah hutang kepada Kerajaan sehingga 30hb September, 1989. Sama ada Yang Berhormat juga memberi pecahan hutang oleh sektor swasta dan juga hutang oleh sektor awam iaitu termasuk Jabatan-jabatan Kerajaan. Sekian.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang kepada Kerajaan sehingga akhir bulan September, 1989 sampai akhir bulan Ogos adalah sebanyak \$35,628,682. Pecahan antara hutang oleh swasta dan daripada Kerajaan kepada Kerajaan

sebanyak \$1.3 juta yang dihutang oleh pesakit-pesakit daripada anggota-anggota Kerajaan dan bakinya daripada swasta

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan tidak memberi apa perkhidmatan kepada pesakit-pesakit apabila mereka tidak dapat memberi satu jaminan bayaran apabila dia sembuh daripada hospital itu? Yang kedua, menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang tepat seperti surat ulangan kepada kakitangan Kerajaan di mana boleh dapat balik hutang yang dihutang oleh mereka.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Kementerian Kesihatan kita melaksanakan satu dasar iaitu satu polisi terbuka iaitu sesiapa yang datang ke hospital kita sebanyak 102 buah hospital di Tanahair kita mendapatkan rawatan. Jika dia tidak ada deposit atau surat jaminan daripada Kerajaan atau bank-bank, kita pun memberi rawatan dan layanan yang sewajarnya, tetapi kalau dia tidak bayar deposit, kita masukkanlah ke dalam wad kelas tiga. Kalau dia memohon masuk kelas satu atau wad kelas dua, kita mintalah wang tunai atau jaminan daripadanya. Sama ada Kementerian saya mengambil langkah-langkah yang tepat untuk mengutip tunggakan daripada si berhutang ini, kita memang ada. Seperti yang saya telah jawab tadi dan bagi orang yang anggota Kerajaan, kita tulis terus kepada Ketua Jabatan mereka untuk potongan gaji. Dan kalau ada sebahagian Jabatan yang tidak mengambil langkah-langkah untuk membayar tunggakan itu kita kemukakan tuntutan kami kepada pihak Perbendaharaan untuk memotong terus daripada gaji anggota Kerajaan itu.

PEGAWAI TADBIR AM— PENYERAPAN

9. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang menyebabkan pelaksanaan penyerapan Pegawai Tadbir am (PTA) ke dalam perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) digantung dan apakah implikasi daripada pelaksanaan penyerapan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman); Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan penyerapan Pegawai Tadbir Am (PTA) ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) ditangguhkan memandangkan PERTAM masih tidak berpuas hati dengan kelonggaran syarat-syarat yang telah ditawarkan kepada PTA dan sebaliknya membangkitkan semula isu-isu yang telah diberikan pertimbangan oleh Kerajaan.

Kemasukan PTA Tingkatan Tertinggi "G" dan Tingkatan Kanan ke Perkhidmatan PTD adalah melalui urusan pertukaran perkhidmatan dan mereka diberi opsyen sama ada memilih memasuki Perkhidmatan PTD atau kekal dalam Perkhidmatan PTA. Bagi PTA Tingkatan Biasa pula, mereka dikehendaki menghadiri temuduga yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan jika sekiranya mereka tidak berjaya pada temuduga pertama, mereka dibeh peluang sebanyak dua kali lagi untuk ditemuduga di bawah urusan kenaikan pangkat secara lantikan.

Kemasukan PTA ke dalam Perkhidmatan PTD tidak akan menghapuskan Perkhidmatan PTA. Perkhidmatan itu akan dikekalkan bagi menampung PTA Tingkatan Tertinggi "G" dan Tingkatan Kanan yang tidak bersetuju memasuki Perkhidmatan PTD dan juga bagi PTA Tingkatan Biasa yang belum layak atau tidak berjaya dalam temuduga bagi

memasuki Perkhidmatan PTD. Walau bagaimanapun, Perkhidmatan PTA tidak akan berkembang.

KETUA-KETUA KERAJAAN KOMMONWEI LAWATAN KE SARAWAK

10. Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau minta Menteri Luar Negeri menyatakan iaitu adakah Ketua-ketua Negara Commonwealth selepas Mesyuarat Commonwealth di Kuala Lumpur mengadakan lawatan ke negeri Sarawak kerana Sarawak mempunyai bermacam-macam tarikan kebudayaan misalnya apa yang dilihat oleh Perdana Menteri sendiri di "Cultural Village" di Santubong.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, ketua-ketua Kerajaan Komanwel setelah tamat bermesyuarat tidak akan pergi ke negeri Sarawak.

Kebanyakan daripada mereka akan pulang ke negeri masing-masing sebaik sahaja mesyuarat tamat kerana urusan-urusan penting mereka tersendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pihak Malaysia telah pun menawarkan semua Ketua-ketua Kerajaan Komanwel untuk melawat negeri mana-mana negeri di Malaysia termasuk Sarawak selepas mesyuarat CHOGM, tetapi seperti yang saya katakan sebentar tadi, hampir semua mereka akan pulang sebaik sahaja mesyuarat CHOGM tamat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah salah satu sebab kenapa Ketua-ketua Kerajaan Komanwel tidak berminat untuk melawat Sarawak ialah bahawa Dewan yang mulia ini pun pada 4hb Julai lalu diberitahu ada konspirasi mahu membunuh Ketua Menteri dan baru-baru ini dalam bulan September

juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menghadiri perhimpunan Agung PBB pun mengatakan ada anasir-anasir mahu merampas kuasa secara tidak sah di negeri Sarawak. Sebab itu semua orang takut untuk melawat negeri Sarawak. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah selamat ataupun tidak selamat untuk pelawat asing melawat ke negeri Sarawak.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu tadi sesungguhnya tidak benar sama sekali oleh kerana seperti saya katakan tadi Ketua-ketua Kerajaan Komanwel tak dapat melawat Sarawak sebab mereka ada urusan tertentu mereka sendiri di negeri masing-masing. Sebagai tambahan pula saya ingin menyatakan bahawasanya Putera Philip, The Duke of Edinburgh yang baru sahaja selesai melawat rasmi ke negara kita sedang dalam perjalanan melawat Sarawak dan Sabah. Ini jelas menunjukkan bahawa keadaan keselamatan negeri Sarawak tetap terkawal, tetap aman dan damai.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar mengikut laporan bahawa Ketua-ketua Kerajaan Komanwel tidak dibawa melawat Sarawak kerana kebanyakan mereka takut hujan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Takut apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Takut hujan. Jadi, apakah yang terjadi kepada mereka apabila bujan turun oleh kerana kesilapan bomoh di Langkawi baru-baru ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu juga tidak benar yang mereka takutkan hujan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

PEGAWAI KUMPULAN A AKTIF DALAM POLITIK

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang pernah diambil dan dicadangkan akan diambil ke atas pegawai dari Kumpulan A yang melibatkan diri secara aktif di dalam badan-badan siasah. Sila butirkan:

- (a) jumlah pegawai-pegawai yang berkenaan mengikut pertumbuhan-pertumbuhan siasah yang diceburinya; dan
- (b) apakah reaksi yang timbul akibat amaran Perdana Menteri supaya mereka memilih satu di antara dua jawatan Kerajaan atau pun jawatan dalam badan-badan siasah.

23. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) bilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan Divisyen Satu yang didapati aktif dalam politik sejak bulan Januari 1987 sehingga ke 30hb September 1989;
- (ii) bilangan kakitangan-kakitangan ini yang sudah melepaskan peranan aktif mereka apabila disuruh meletakkan jawatan mereka atau jangan aktif dalam politik dan parti atau parti-parti yang mereka anggotai; dan
- (iii) bilangan kakitangan-kakitangan ini yang melepaskan jawatan dengan Kerajaan terus menjadi aktif dalam politik dan parti atau

parti-parti yang mereka anggotai.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Soalan No. 12 Yang Berhormat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang disenaraikan sebagai Soalan No. 23 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Awam Kumpulan "A" yang terbukti mengambil bahagian aktif dalam politik telah dikenakan tindakan tatatertib. Tindakan tatatertib akan terus diambil ke atas mana-mana pegawai Kumpulan "A" yang didapati mengambil bahagian aktif dalam politik.

Daripada tahun 1987 sehingga 30hb September 1989, seramai 272 orang Pegawai Awam Kumpulan "A" telah dikenalpasti mengambil bahagian aktif dalam berbagai parti politik seperti berikut:

<i>Parti Politik</i>	<i>Jumlah</i>
UMNO	184
MCA	48
MIC	18
PAS	12
PGRM	10
	<hr/>
	272 orang
	<hr/>

Dari jumlah tersebut, setakat ini seramai 9 orang telah meletakkan jawatan politik kerana memilih untuk terus kekal dalam perkhidmatan awam yang mana kesemuanya dari parti

UMNO; dan seramai 6 orang telah meletakkan jawatan perkhidmatan awam untuk mengambil bahagian yang aktif dalam politik yang mana kesemuanya juga dari parti UMNO.

Mengenai amaran yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mereka memilih satu di antara dua; jawatan Kerajaan atau jawatan dalam bidang-bidang siasah, setakat ini belum lagi diterima apa-apa maklumat mengenai reaksi Pegawai-pegawai Awam Kumpulan "A" yang mengambil bahagian aktif dalam politik.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah erti mengambil bahagian aktif, adakah ini bererti tidak boleh memegang jawatan di berbagai peringkat parti sahaja atau membenarkan pegawai-pegawai Kategori A untuk menyertai kegiatan parti selain daripada memegang jawatan, baik di peringkat Nasional, Bahagian, atau Cawangan semacam dalam biro-biro dan lain-lain, adakah ini ertinya?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi dalam tafsiran ialah pegawai-pegawai tidak dibenarkan memegang jawatan di dalam parti politik. Itulah yang dimaksudkan bila dikatakan pegawai itu tidak dibenarkan mengambil bahagian yang aktif dalam politik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri tadi terdapat pegawai-pegawai daripada Kategori A ini yang telah meletakkan jawatan keseluruhannya adalah daripada ahli-ahli UMNO tetapi dalam jawapan asalnya terdapat juga pegawai-pegawai dalam kategori ini daripada ahli-ahli MCA dan PAS. Adakah mereka ini sudah meletakkan jawatan ataupun kita kecualikan kumpulan daripada MCA dan PAS ini?

Yang kedua, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini, aktif dalam politik ialah memegang jawatan parti tetapi bagaimana aktif berpolitik tanpa memegang jawatan. Adakah mereka ini juga akan diambil tindakan, kalau kita ada bukti-bukti yang kita dapat tahu ada pegawai-pegawai daripada berbagai kategori yang aktif dalam politik, berceramah siang dan malam sampai subuh tetapi tak pegang jawatan, tetapi aktif. Apakah falsafah ini akan kita amalkan sebagai pegangan kepada rakyat yang berpolitik dan yang ingin aktif dalam politik.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pegawai-pegawai lain daripada MCA, MIC dan PAS, laporan-laporan ada dan tindakan oleh JPA sedang diambil tindakan bagi mereka yang dikesan menyertai parti-parti politik secara aktif.

Yang Kedua, Ahli Yang Berhormat tetah bertanya berkenaan dengan orang-orang yang aktif berpolitik tetapi tidak memegang jawatan dalam politik dan kalau ada mereka ini yang berbuat demikian, maka laporan boleh dibuat kepada JPA supaya JPA dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk mengambil tindakan-tindakan yang berkenaan bagi mereka yang tersebut.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, dia tidak menyatakan berapa bilangan pegawai-pegawai di dalam Kumpulan A yang terlibat dalam kegiatan politik di negeri Sabah. Ada pun yang saya tahu bahawa Sabah juga tidak terkecuali daripada kegiatan seperti ini di mana dari masa ke semasa kita tahu terutama sekali di Jabatan Pendidikan bahawa pegawai-pegawai berkenaan memanggil masyarakat di sesuatu kampung untuk menghadiri mesyuarat yang kononnya anjuran Jabatan

Pendidikan dengan tujuan untuk menerangkan mengenai masalah pendidikan, tetapi dalam ceramahnya adalah ternyata berunsur menentang kerajaan. Adakah mereka itu telah mendapat keizinan sehingga ianya tidak dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi dalam jawapannya. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita bincangkan soalan ini ialah berkenaan dengan berapakah orang yang terlibat dalam politik yang aktif. Mungkin apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat termasuk orang yang berpolitik. Jadi, saya tidak dapat jawablah dengan sepenuhnya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana ini tidak termasuk di dalam jawapan saya ini kerana soalnya berlainan. Walaupun demikian kerana Yang Berhormat menyebutkan ada orang mengambil tindakan-tindakan untuk menentang Kerajaan. Ini pada saya adalah satu perkara yang serius dan perlulah Yang Berhormat melaporkan perkara-perkara ini kepada pihak yang tertentu supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Terima kasih.

PERLOMBONGAN EMAS—KAJIAN MENGERUDI

13. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Utama nyatakan pihak Perbadanan Perlombongan Malaysia (MMC) telah diberi hak mengendalikan kajian menggerudi serta penilaian di kawasan Sungai Pergau, Nenggeri, Ulu Sokor, Gua Musang, Pulai dan Sungai Sok di Kelantan. Kajian ini sudah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu;

- (a) sehingga hari ini apakah hasil dari kajian tersebut;
- (b) adakah dapat perlombongan emas atau lain-lain logam secara sistematik dapat diusahakan di Kelantan bagi menampung

pengangguran di kalangan belia-belia tempatan; dan

- (c) berapakah jumlah perbelanjaan bagi kajian yang dijalankan oleh MMC di Kelantan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha-usaha yang dijalankan oleh MMC ini telah menghasilkan aktiviti perlombongan "barite" di Sungai Sok dan Perlombongan emas di Pulai. Kajian dan rancangan melombong emas di Sungai Pergau sedang dibuat. Kawasan-kawasan kecil yang tidak berekonomik untuk di lombong secara besar-besaran telah dilepaskan dan dibuka oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada pemohon-pemohon daripada pihak-pihak lain dengan tujuan melombongnya secara kecil-kecilan.
- (b) Kebanyakan milik galian yang dikeluarkan dengan kelulusan Kerajaan Negeri Kelantan bagi aktiviti perlombongan seperti yang telah dinyatakan itu dikenakan syarat yang memerlukan pemegang pajakan galian menggunakan pekerja-pekerja yang mengandungi tidak kurang daripada 75% warganegara Malaysia dengan keutamaan diberikan kepada rakyat negeri Kelantan.
- (c) Memandangkan yang perkara ini adalah urusan kewangan sebuah syarikat swasta, maka jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh MMC tidaklah wajar diumumkan di sini.

FEDERAL CABLE WIRE DAN METAL MANUFACTURING BHD—PENYELEWENGAN SAHAM

14. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

bahawa sejak penyiasatan pihak polis ke dalam penyelewengan sijil-sijil saham Federal Cable Wire dan Metal Manufacturing Berhad yang berjumlah \$8.6 juta telah siap begitu lama, kenapakah tidak terdapat satu tindakan yang telah diambil oleh pihak-pihak yang berkuasa sehingga ke hari ini dan juga menyatakan apakah hasil dari siasatan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan polis yang melibatkan lebih 100 orang saksi telah selesai dan kes ini sedang dalam kajian Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).

TELEFON—GANGGUAN PERKHIDMATAN

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa terdapat kerosakan yang berterusan kepada kesemua perkhidmatan telefon di sepanjang Batu 4 1/2 Jalan Sin On, Tawau, sejak 8hb Ogos, 1989. Memandangkan kepada kerosakan yang begitu lama, sama ada bersedia untuk menghapuskan bayaran sewa bulanan di bawah keadaan yang sedemikian.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, gangguan perkhidmatan telefon di kawasan Sin On, Tawau, Sabah adalah berpunca dari kerosakan kabel utama bawah tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu saluran kabel bawah tanah di sepanjang tebing Sungai Sin On telah runtuh dan pecah akibat hakisan air semasa hujan lebat.

Kerosakan ini telah memakan masa untuk membaikinya kerana kerja-kerja pemasangan saluran kabel dan untuk mengganti kabel baru telah tergendala akibat cuaca buruk.

Sebenarnya kerosakan seumpama ini adalah satu kejadian di luar jangkaan tetapi demi menjaga hubungan baik di antara STM dan pelanggannya, maka pihak STM akan menimbang untuk menepikan atau menghapus kira bayaran sewa bagi tempoh kerosakan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 11, 15 dan 17 hingga 35 adalah diberi di bawah ini.)

LEMBAGA LETRIK NEGARA DISWASTAKAN

1. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah LLN akan diswastakan. Sama ada laporan terhadap cadangan penswastaan ini telah dihantar kepada Kabinet. Sekiranya ada, memberitahu butir-butir berkenaan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Saya mohon untuk menjawab sekaligus pertanyaan mulut oleh:

Y.B. Dr. Eng Seng Chai—10-11-89

Y.B. Tuan Lee Lam Thye—10-11-89

Y.B. Datuk Haji Sakaran Dandai—30-11-89

bersekali dengan soalan Y.B. Tuan Karpal Singh kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Kerajaan telah pun bersetuju pada dasarnya untuk menswastakan Lembaga Letrik Negara (LLN) pada bulan Mei 1988. Dari segi halacara, bentuk dan hila untuk dilaksanakan, Kabinet belum lagi memutuskannya. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (KTTP) sedang menyjapkan laporan terakhir dengan pandangan-pandangan dari semua pihak untuk diputuskan oleh Kabinet tidak berapa lama lagi. Oleh itu butiran khusus belum lagi diumumkan kerana menunggu keputusan muktamad Kabinet.

Mengenai pertanyaan Y.B. dari Petaling Jaya (Dr Eng Seng Chai), suka saya menyatakan bahawa LLN adalah sebuah perbadanan utiliti Kerajaan yang sangat besar dan penting. Oleh itu saya memberi jaminan bahawa tawaran ekuiti LLN akan dilaksanakan sebegitu rupa untuk memenuhi asas-asas berikut:

- (i) Harga yang berpatutan supaya Kerajaan mendapat ganjaran yang sebaiknya atas pelaburan yang telah dibuat.
- (ii) Memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru.
- (iii) Memberi peluang kepada orang ramai, khususnya kakitangan dan pengguna LLN.
- (iv) Pihak yang mempunyai kepakaran dan teknologi supaya meningkatkan keupayaan LLN dari segi kapasiti dan kecekapan.

Berhubung dengan pertanyaan oleh Y.B. dari Bukit Bintang (Tuan Lee Lam Thye) mengenai pendapat kakitangan LLN, suka saya menyatakan bahawa pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (KTTP) telah menerima memorandum daripada pekerja-pekerja LLN dan perbincangan mengenai tuntutan Kesatuan/Persatuan kakitangan LLN telah pun

dilaksanakan KTTP akan menimbang-kan segala tuntutan kakitangan LLN berdasarkan bidangkuasa yang ada dan yang lainnya akan diselesaikan seteah syarikat pengganti pengambilalih fungsi, aset, tanggungan dan kakitangan LLN.

Faedah kepada Kerajaan dan pengguna daripada penswastaaan LLN adalah seperti berikut:

Faedah kepada Kerajaan:

- (i) Kerajaan akan bebas daripada memberi jaminan pinjaman-pinjaman LLN.
- (ii) Saiz jentera pentadbiran awam akan berkurangan.
- (iii) Hasil kewangan bersih daripada pelaburan di LLN.
- (iv) LLN akan berfungsi di pasaran terbuka dan terdedah kepada saingan dan Kerajaan akan mendapat hasil dalam bentuk cukai import, cukai jualan dan korporat.

Faedah kepada pengguna:

- (i) perkhidmatan yang lebih cekap dan peka kepada keperluan pengguna.
- (ii) kawalselia yang menjamin kepentingan pengguna dari segi mutu bekalan dan keselamatan.
- (iii) pertandingan bebas akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos.

PENERBANGAN SIA KE KUCHING—KAJIAN

2. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan terakhir mengenai dengan permintaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Sistem Penerbangan Singapura (SIA) membuat kajian dan rundingan untuk membolehkan SIA

mendarat di Kuching demi kedudukan terakhir bersabit dengan rundingan dengan penerbangan lain seperti Thai Airways dari Bangkok/Kuala Lumpur/Kuching, Cathay Pacific dari Hong Kong ke Kuching, Philippine Airlines dari Manila ke Kuching dan lain-lain penerbangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail); Permintaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membenarkan Singapore Airlines (SIA) mengadakan penerbangan ke Kuching masih dalam pertimbangan Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang tidak terdapat apa-apa permintaan dari Thai International Airways, Cathay Pacific Airways, Philippine Airlines ataupun mana-mana syarikat penerbangan asing lain untuk mengadakan penerbangan dari negara-negara berkenaan itu ke Kuching. Dalam hal ini Thai International Airways dan Cathay Pacific Airways sememangnya telah pun mempunyai hak dan diberi kebenaran oleh Kerajaan untuk mengadakan penerbangan terus dari Bangkok dan Hong Kong masing-masing ke Kuching dan mereka bolehlah mengadakan perkhidmatan di atas sektor tersebut pada bila-bila masa, jika mereka menghendaki.

KOLEJ SELATAN—PENUBUHAN

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada permohonan yang dibuat oleh Kolej Selatan untuk mendaftarkannya sebagai sebuah syarikat telah pun diluluskan. Jika ya, nyatakan tarikh kelulusan; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa permohonan untuk menubuhkan Kolej Selatan telah

diluluskan oleh Kerajaan secara prinsip pada 23 Ogos 1988, kepada Johor Bahru Foon Yew Associated Chinese Schools.

Kemudian Pejabat Pendaftar Syarikat diberitahu bahawa pihak J.B. Foon Yew Associated Chinese Schools tidak lagi terlibat di dalam penubuhan kolej ini dan orang-orang lain daripada yang diluluskan oleh Kerajaan akan menjadi penganjur kolej tersebut.

Berikutan dengan itu, seorang daripada bakal penganjur baru iaitu Dato Kuek Ho Yao telah berbincang dengan pegawai Pejabat Pendaftar Syarikat pada 31 Mei 1989 dan beliau memberitahu bahawa:

- (a) pihak J.B. Foon Yew Associated Chinese Schools tidak lagi terlibat di dalam penubuhan kolej ini.
- (b) beberapa orang lagi termasuk beliau (tidak diberitahu sesiapa mereka) akan menjadi penganjur kolej ini; dan
- (c) beliau berjanji akan kemukakan kepada pejabat ini satu undertaking mengenai sumber kewangan bagi menubuhkan kolej tersebut.

Memandangkan permohonannya dibuat di bawah seksyen 24, Akta Syarikat 1965, beliau diberitahu pada 31 Mei 1989 untuk memberi *nama penganjur* baru dan meminda Memorandum dan Artikel bagi mematuhi semua syarat-syarat yang dikehendaki oleh Kerajaan semasa kelulusan secara prinsip diberikan.

Dato Kuek berjanji mengemukakan kehendak-kehendak ini secepat mungkin. Pada 8 Jun 1989, Dato Kuek telah mengembalikan draf Memorandum dan Artikel yang telah dipinda untuk semakan pejabat ini sekali lagi.

Pada 14 Jun 1989, pejabat ini telah memberi surat peringatan kepada

Dato Kuek mengenai maklumat-maklumat yang masih belum dikemukakan kepada pejabat ini.

Pada 11 Ogos 1989, pejabat ini telah membuat peringatan sekali lagi mengenai maklumat-maklumat yang belum dikemukakan seperti dikehendaki oleh Surat pejabat ini bertarikh 14 Jun 1989. Dalam pada itu juga pejabat ini telah mengembalikan draf Memorandum dan Artikel yang perlu dibuat sedikit pindaan. Sehingga hari ini pejabat ini masih lagi menunggu jawapan di atas perkara di atas.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA—ANGKA

15. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah kedatangan pelancong mengikut negara asal mereka dari tahun 1985 hingga bulan September 1989;
- (b) sila beri butir-butir kemajuan industri pelancongan yang dicapai setakat ini sejak Kerajaan memperhebatkan program-program menarik pelancong secara lebih agresif;
- (c) berapakah jumlah kewangan yang dibelanjakan untuk misi menarik pelancong di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Jumlah kedatangan pelancong mengikut negara asal mereka dari tahun 1985 hingga tahun 1988 adalah seperti berikut:

<i>Pasaran utama mengikut Negara Asal</i>		1985'	1986''	1987	1988''
ASEAN	BRUNEI	96,886	86,735	119,036	146,913
	INDONESIA	41,785	56,407	39,566	42,901
	PHILIPPINES	18,010	18,060	18,455	17,511
	SINGAPURA	2,103,502	2,156,034	2,220,196	2,330,089
	THAILAND	197,449	205,784	217,932	239,124
	SUB-JUMLAH ..	2,457,632	2,523,020	2,615,185	2,776,578
LAIN-LAIN (DILUAR ASEAN)	AUSTRALIA	82,220	84,647	90,129	99,430
	PERANCIS	14,936	15,680	16,569	17,823
	HONG KONG	29,955	33,629	38,440	48,775
	INDIA	35,403	36,532	37,808	40,930
	JEPUN	122,764	133,305	142,039	162,189
	NEWZEALAND	9,513	9,142	9,711	9,993
	TAIWAN	21,435	24,285	28,931	36,913
	AMERIKA SYARIKAT	43,960	46,116	49,127	56,246
	U. KINGDOM	75,126	80,473	85,806	100,736
	W. GERMANY	26,387	27,589	28,884	31,980
	LAIN-LAIN	189,775	203,044	216,354	243,271
	SUB-JUMLAH ..	651,474	694,442	743,798	848,286
JUMLAH BESAR (MALAYSIA) ..		3,109,106	3,217,462'	3,358,983*	3,624,864'
% PERTAMBAHAN ..		—	+3.5	+4.4	+ 7.9

* Anggaran

Bagi tahun 1989, adalah diramalkan bahawa seramai 3.95 juta pelancong akan mengunjungi ke seluruh Malaysia, iaitu pertambahan sebanyak 9.2% berbanding dengan tahun 1988.

- (b) Sejak Kerajaan memperhebatkan program-program menarik pelancong secara yang lebih agresif, banyak kemajuan-kemajuan telah dicapai khususnya di dalam usaha menambahkan kedatangan para pelancong dan pembangunan-pembangunan fizikal dan bukan fizikal untuk kemudahan para pelancong yang juga secara langsung memberi sumbangan faedah kepada pembangunan ekonomi dan penduduk negara ini.

Dari segi pertambahan kedatangan para pelancong didapati jumlah pelancong telah meningkat dari 2.35 juta dalam tahun 1980 kepada 3.3 juta pada tahun 1987, dan pada tahun 1988 angka kedatangan para pelancong ini telah meningkat kepada 3.6 juta. Dengan terlaksananya Program Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah dijangkakan ketibaan para pelancong ke negara ini akan meningkat menjadi 4.3 juta iaitu dengan kadar pertambahan sebanyak 10%.

Dari segi pendapatan daripada pertukaran wang asing melalui industri pelancongan ianya telah meningkat dari \$713.13 juta pada tahun 1980 menjadi \$1.6 billion pada tahun 1987, dan angka ini dijangka meningkat menjadi \$2.2 billion pada tahun 1989 ini. Dengan pertambahan pendapatan pertukaran wang asing ini juga, industri pelancongan pada tahun 1987, telah menjadi penyumbang keenam berbanding dengan sektor ekonomi

lain, berbanding dengan keduanya pada tahun 1985 industri pelancongan yang telah menduduki tempat kelapan, dan pada tahun 1986 menjadi penyumbang ketujuh dari segi penyumbang pendapatan wang asing.

Industri pelancongan juga telah melibatkan pelaburan yang besar dalam bidang perhotelan dan projek-projek pelancongan secara langsung iaitu \$7.155 billion pada tahun 1986. \$1.149 billion pada tahun 1987, serta \$450.83 juta pada tahun 1988. Keadaan ini telah juga menyebabkan sumbangan yang besar di dalam menyediakan sumber-sumber pekerjaan, di mana pada tahun 1987 dianggarkan 25,000 pekerjaan telah diwujudkan di dalam industri kraftangan, 11,000 di dalam industri penerbangan, dan 4,500 orang telah dianggarkan bekerja dengan agensi-agensi pelancongan.

Pada keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa industri pelancongan telah memberikan sumbangan yang positif terhadap pembangunan ekonomi negara ini, dan dari segi peningkatan taraf hidupnya telah secara tidak langsung telah dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang selesa seperti jalan raya, pengangkutan dan alam persekitaran yang semakin baik dan bersih untuk dinikmati oleh semua rakyat negara ini.

- (c) Jumlah kewangan yang dibelanjakan untuk misi menarik pelancong di luar negeri sehingga bulan September 1989, ialah sebanyak \$3,882,105.00.

SEKOLAH PENDIDIKAN SWASTA—PENUBUHAN

17. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pendidikan menerangkan:

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan peraturan-peraturan tertentu bagi pembinaan sekolah-sekolah persendirian, terutama asrama sekolah, setelah peristiwa sedih berlaku di asrama sekolah Agama persendirian di Batu 16 Padang Lumat Kedah pada 22-9-89;
- (b) menurut Akta Pelajaran 1963, Kementerian Pendidikan menerusi pegawai-pegawainya adalah berhak membuat pemeriksaan ke sekolah-sekolah persendirian untuk memastikan semua aspek dapat dikawal, setakat ini adakah kehendak Akta ini dilaksanakan, dan sudahkah pemeriksaan dilakukan sebelum peristiwa sedih di sekolah Agama persendirian di Padang Lumat berlaku pada 22-9-89 itu.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Penubuan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan swasta di negara ini dikawal oleh peruntukan dalam Akta Pelajaran 1961 yang antara lain menetapkan bahawa semua sekolah dan institusi pendidikan melainkan jika dikecualikan, hendaklah didaftarkan di bawah Akta tersebut. Proses pendaftaran melibatkan pemeriksaan ke atas premis sekolah atau institusi pendidikan berkenaan untuk menentukan kesesuaian dan keselamatan penggunaannya. Setelah pihak Pendaftar Sekolah-sekolah berpuashati bahawa bangunan berkenaan

sesuai dan selamat digunakan, barulah sesebuah sekolah atau institusi pendidikan itu didaftarkan.

- (b) Walau bagaimanapun, disebabkan oleh jenis atau bentuk kursus yang dijalankan, setengah-setengah sekolah atau institusi pendidikan tidak dapat didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan kerana itu ia di luar pengawalseliaan Pendaftaran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Sekolah Agama persendirian di Padang Lumat, Kedah sebenarnya adalah di luar skop Akta Pelajaran 1961. Oleh itu pengawalseliaan tidak dapat dilakukan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

KEMUDAHAN TENTERA KEPADA AMERIKA SYARIKAT— TAWARAN SINGAPURA

23-10-89

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan lanjut mengenai hasrat negara Singapura untuk menempatkan alat-alat kelengkapan Amerika Syarikat di negara itu.

30-10-89

22. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Negara berkenaan dengan tawaran Singapura untuk membenarkan kemudahan tentera kepada Amerika Syarikat.

31-10-89

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan pendirian sebenar Kerajaan dan negara-negara ASEAN yang lain terhadap tawaran Kerajaan Singapura untuk memberikan kemudahan-kemudahan ketenteraan kepada

Amerika Syarikat yang merupakan satu penyelewengan dari konsep ZOPFAN. Adakah pendirian Malaysia telah diberitahu secara resmi kepada Singapura dan apa pula reaksi republik itu.

31-10-89

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah menduga bahawa Amerika dan Singapura telah mengadakan muafakat untuk menjadikan Singapura sebagai pengkalan tentera Amerika sebelum perkara itu diberi tahu secara resmi oleh Kerajaan Singapura;
- (b) setakat ini apakah maklumat yang disampaikan oleh Singapura berhubung dengan pengkalan itu dan apakah reaksi Kerajaan terhadapnya;
- (c) adakah rancangan mengalihkan pengkalan Amerika ke Singapura itu disebabkan kurangnya kempen dari pentadbiran negara sekarang terhadap mengekalkan Asia Pasifik sebagai rantau berkecuali; dan
- (d) bersetujukah Yang Berhormat Menteri bahawa beban hutang yang ditanggung oleh Kerajaan mempengaruhi sikap Kerajaan yang tidak begitu lantang menolak rancangan Amerika menjadikan Singapura sebagai pengkalan barunya.

6-11-89

12. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantah sikap Kerajaan Singapura yang baru-baru ini bercadang untuk menawarkan kemudahan kepada pihak Amerika Syarikat membina sebuah pengkalan tentera udara di negara tersebut. Adakah cadangan pembinaan pengkalan tentera udara sebuah kuasa

besar di negara tersebut bercanggah dengan dasar ZOPFAN ASEAN yang juga dianggotai oleh Singapura.

8-11-89

27. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap tawaran Singapura baru-baru ini kepada Amerika Syarikat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan militer Singapura; adakah ini bercanggah dengan konsep Bebas, aman dan Berkecuali (ZOPFAN) yang diamalkan oleh ASEAN di rantau ini; memandangkan Indonesia, Thailand Brunei dan Filipina mempunyai pemikiran yang berlainan bersabit dengan perkara ini, langkah yang diamil oleh Malaysia supaya rundingan dibuat supaya ada kata sepakat diterima oleh semua anggota ASEAN dalam perkara ini.

9-11-89

7. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pengkalan-pengkalan tentera oleh kuasa-kuasa besar dunia di negara-negara ASEAN yang mungkin bertentangan konsep ZOPFAN; dan
- (b) untuk mengelakkan kemasukan tentera-tentera kuasa besar dunia di kawasan negara-negara ASEAN adakah Kerajaan Malaysia akan mencadangkan satu pakatan baru negara-negara ASEAN di dalam bidang ketenteraan dan buat masa sekarang apakah persefahaman yang sedia wujud di antara negara-negara ASEAN berkenaan latihan bersama KETENTERAAN.

10-11-89

10. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Luar

Negeri menyatakan apakah reaksi Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia mengenai hasrat Kerajaan Singapura memberi kebenaran kepada Amerika Syarikat menempatkan kelengkapan ketenteraannya di Republik itu. Sejauh mana ia akan menjejaskan perjanjian tahun 1971 yang menjadikan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali itu.

14-11-89

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan di atas rancangan Pengunduran Pengkalan Tentera Amerika dari negara anggota ASEAN dan seterusnya penubuhan Pengkalan Tentera Amerika di negara anggota ASEAN yang lain. Sejauh manakah peranan Malaysia dalam penentuan sikap dan Dasar Negara tersebut sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN.

11-12-89

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan sekarang berkenaan Negara Singapura membenarkan Amerika Syarikat untuk membina taraf tentera di negeranya.

11-12-89

13. Tuan Haji Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah Kerajaan Malaysia terhadap Singapura yang membenarkan pengkalan asing ditempatkan di situ dan setakat manakah ini menjejaskan keamanan serantau.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Dengan izin, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari *Jelutong* dan *Bukit Bintang* pada 30-10-89, *Pengkalan Chepa* pada 31-10-89, *Hulu Langat* pada 3-11-89, *Kota Setar* pada 6-11-89, *Bukit Mas* pada 8-11-89, *Kuala Kedah* pada 9-11-89, *Balik Pulau* pada

10-11-89, *Pagoh* pada 14-11-89 dan *Bukit Bendera* dan *Larut* pada 11-12-89 yang semuanya berkisar kepada perkara yang sama, iaitu tawaran Singapura untuk menjadi tuan rumah kepada kemudahan-kemudahan ketenteraan Amerika Syarikat.

2. Malaysia pertama kali diberitahu oleh Kementerian Luar Negeri Singapura mengenai perkara ini apabila satu pasukan peninjau teknikal Amerika Syarikat dihantar melawat Singapura pada bulan Jun 1989 yang lalu untuk memastikan kemudahan-kemudahan tentera laut dan udara yang boleh digunakan oleh pihak tentera Amerika Syarikat. Kementerian Luar Negeri Singapura memaklumkan bahawa tawaran Singapura ini dibuat sebagai menyahut seruan Filipina supaya negara-negara ASEAN yang lain ikut serta memikul beban politik terhadap penempatan pengkalan tentera Amerika Syarikat di Filipina. Ia juga bertujuan untuk mengekalkan kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini memandangkan pihak Amerika Syarikat mungkin menghadapi kesulitan untuk melanjutkan tempoh perjanjian pengkalan-pengkalan di Filipina apabila perjanjian yang berkaitan tamat dalam tahun 1991. Juga dinyatakan bahawa tawaran Singapura itu mungkin dapat membantu Amerika Syarikat dalam rundingan-rundingannya dengan Filipina. Perlu saya nyatakan bahawa pada awalnya tidaklah ada apa perundingan diadakan di antara Malaysia dan Singapura mengenai tawaran itu. Tindakan Singapura tersebut hanya merupakan pemberi tahunan semata-mata.

3. Pendirian Malaysia mengenai tawaran Singapura ini adalah jelas seperti yang telah diumumkan. Malaysia tidak bersetuju kepada penubuhan suatu pengkalan tentera Amerika Syarikat yang baru di Singapura atau di mana jua di rantau ini. Pendirian Malaysia adalah berasaskan kepada komitmen negara ini bersama-sama dengan negara-negara ASEAN

yang lain untuk mengujudkan suatu kawasan yang Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini apabila perkembangan-perkembangan mengizinkan kepada pencapaian hasrat ini. Bagi pencapaian matlamat tersebut, ASEAN telah bersetuju bahawa pengkalan-pengkalan yang sedia ada adalah dianggap sementara, yang tentunya akan ditutup bila-mana sampai masanya. Oleh yang demikian penubuhan satu pengkalan baru adalah bercanggah dengan persetujuan bersama tersebut dan ia mungkin menjejaskan "credibility" ASEAN di kacamata dunia luar. Selain dari itu, sebarang tambahan kepada jumlah pengkalan-pengkalan Amerika Syarikat daripada yang sedia ada di Filipina mungkin akan menguatkan lagi hasrat Soviet Union untuk terus mengekalkan pengkalan-pengkalannya di Vietnam.

4. Namun demikian, Malaysia tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya tawaran Singapura itu tidak melibatkan penempatan tetap anggota-anggota tentera Amerika Syarikat di Singapura dan hanya semata-mata bertujuan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan servis dan bekalan yang terdapat di negara itu untuk kegunaan menyelenggara kapal-kapal laut dan pesawat tentera Amerika Syarikat sahaja. Sebenarnya perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini bukanlah suatu perkara yang baru di Singapura, malah telah sedia digunakan oleh pihak Amerika Syarikat.

5. Pendirian Malaysia ini telah dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri kepada Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew di Brunei Darussalam dalam bulan Ogos lalu dan kepada Naib Presiden Amerika Syarikat semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini. Sebelum itu, Y.B. Menteri Luar memberitahu rakan sejawatnya Encik Wong Kan Seng semasa lawatan rasmi beliau ke Malaysia dalam bulan Julai yang lalu. Untuk makluman Ahli-ahli

Dewan yang mulia ini, Naib Presiden Amerika Syarikat telah memaklumkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Amerika Syarikat berminat untuk menggunakan Singapura hanya sebagai tempat penyelenggaraan kapal-kapal laut dan pesawat udara yang dibuat secara bergilir (rotational basis). Justeru itu kita akan berpegang kepada jaminan bahawa Amerika Syarikat tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah pengkalan tentera di Singapura. Kita juga telah diberitahu bahawa Amerika Syarikat adalah peka kepada perasaan negara-negara jiran Singapura seperti Malaysia dan juga Indonesia yang telah menyuarakan pendapat yang sama dengan Malaysia.

HUTAN YANG DIBALAK— JUMLAH HEKTAR

19. Tuan P. Patto minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah hektar hutan yang telah digunakan untuk mengeluarkan kayu balak dalam setiap tahun sejak 1970 dari setiap negeri dan bagaimanakah Kerajaan dapat menjamin kegiatan pembalakan tidak akan membawa kesan buruk ke atas alam sekitar dan ekologi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Jumlah hektar hutan yang dibalok mengikut pecahan negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak setiap tahun sejak tahun 1970 dalam ribu hektar adalah sepertimana jadual berikut:

Tahun	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah
1970	60	55	60	175
1971	317	220	50	587
1972	424	222	50	696
1973	433	370	50	853
1974	353	318	50	721
1975	303	371	40	714
1976	411	203	70	684
1977	362	241	80	683
1978	340	321	1 0 0 7 6 1	

Tahun	Semanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah
1979	257	217	130	604
1980	222	157	140	519
1981	248	117	150	515
1982	216	162	160	538
1983	194	157	170	521
1984	240	184	304	728
1985	216	159	284	659
1986	218	131	293	642
1987	213	179	239	631
1988	189	125	239	553
			(angga- ran)	
Jumlah	5,216	3,909	2,659	11,784

Ini tidak bermakna sejak tahun 1970 hingga kini sejumlah 11.8 juta hektar kawasan hutan negara telah pupus. Angka ini adalah juga meliputi kawasan hutan negeri yang ditebang untuk tujuan pembangunan pertanian dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari sejumlah 32.9 juta hektar keluasan negara, sejumlah 20.1 juta hektar (61%) masih kekal sebagai hutan semulajadi dan jika diambil kira dari segi kawasan yang telah ditanam getah, kelapa sawit dan koko jumlahnya meningkat kepada 24 juta hektar ataupun 74%.

2. Untuk menjamin supaya kegiatan pembalakan tidak membawa kesan buruk ke atas alam sekitar dan ekologi, Kerajaan telah menubuhkan Hutan Simpanan Kekal dan kawasan hutan perlindungan yang terpilih sepenuhnya. Hutan Simpanan Kekal seluas 12.74 juta hektar terbahagi kepada hutan produktif dan hutan protektif. Hutan protektif adalah seluas 3.8 juta hektar dipelihara dalam bentuk asli untuk melindungi kawasan bukit, tadahan air dan kepelbagaian genetik. Hutan produktif seluas 8.94 juta hektar pula diurus secara penghasilan berkekal, di mana pembalakan di jalankan berdasarkan sistem pengurusan memilih, dan tebangan dibuat mengikut pusingan 25-60 tahun. Di mana perlu, kawasan

hutan yang telah dibalak diberi rawatan silvikultur, iaitu bagi menggalak pertumbuhan pokok.

3. Kegiatan pembalakan adalah berlandaskan kepada syarat tertentu, iaitu tebangan boleh dibuat hanya di dalam kawasan yang ditetapkan dan kepada pokok yang melebihi 45 cm lilitan batang. Jalan laluan hendaklah dibina mengikut plan yang ditetapkan dan memastikan proses penebangan tidak memusnahkan ekologi dan alam sekitar. Syarat ini meliputi cara penguatkuasaan dan menetapkan hukuman dan denda tertentu sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya.

MAS KE MADRAS—TAMBANG

20. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah suatu kajian telah dibuat untuk meneliti justifikasi untuk kos tambang MAS dari Kuala Lumpur ke Madras. Jika ada, nyatakan kos yang amat tinggi jika dibandingkan dengan kos bagi Kuala Lumpur ke New Delhi; dan
- (b) adakah benar mutu perkhidmatan MAS telah berkurangan sejak satu tahun yang lampau dengan berlebihan "flight" ke beberapa destinasi-destinasi yang baru tetapi tanpa pertambahan bilangan kapal-terbang ataupun bilangan kaki-tangan. Bilakah kedua-dua masalah tersebut akan diatasi.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Tambang-tambang bagi sektor antarabangsa termasuk di antara Kuala Lumpur-Madras dan Kuala Lumpur-New Delhi adalah ditetapkan berasaskan kepada kadar-kadar tambang yang disyorkan oleh IATA, (International Air Transport Association) selepas mendapat

persetujuan daripada negara-negara ahli ataupun disyorkan oleh syarikat-syarikat penerbangan secara "bilateral". Tambang-tambang ini adalah merupakan tambang rasmi ataupun "official or published fares".

Pada masa sekarang, terdapat lima jenis tambang rasmi yang telah ditetapkan bagi perjalanan di antara Kuala Lumpur-Madras dan Kuala Lumpur-New Delhi. Tambang-tambang ini adalah tambang kelas pertama, tambang "business", tambang ekonomi, tambang "excursion" dan tambang "group fare". Paras tambang bagi kesemua jenis tambang tersebut bagi sektor Kuala Lumpur-Madras adalah lebih rendah berbanding dengan paras tambang yang ditetapkan bagi sektor Kuala Lumpur-New Delhi. Sebagai misalan untuk makluman Yang Berhormat, tambang rasmi kelas ekonomi bagi sektor Kuala Lumpur-Madras adalah ditetapkan pada paras R\$889 sehalu, sementara tambang jenis yang sama bagi sektor Kuala Lumpur-New Delhi ditetapkan pada paras R\$1,105 sehalu.

- (b) Adalah tidak benar bahawa mutu perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) telah berkurangan sejak satu tahun kebelakangan ini. Sukalah saya memaklumkan bahawa sebagai syarikat penerbangan kebangsaan, MAS sentiasa memberi sewajarnya terhadap usaha-usaha untuk mempertingkatkan dan memodenkan perkhidmatannya demi memastikan perkhidmatan adalah memuaskan dan setanding dengan syarikat-syarikat penerbangan asing yang lain. Melalui rancangan-rancangan perkembangannya, pihak MAS

telah pun menyewa dan membeli beberapa jenis pesawat baru disamping mengambil kakitangan tambahan seperti anak-anak kapal kabin dan pekerja teknikal, jurutera dan juga kakitangan trafik.

BAS DIGUNAKAN DI JALAN RAYA—TEMPOH KELAYAKAN

21. Dr David minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah tempoh kelayakan (tahun) bagi suatu bas dibenarkan menggunakan jalan raya kita;
- (b) adakah beliau sedar bahawa beberapa lesen bas ekspres telah pun dikeluarkan tanpa membuat kajian penuh di atas jalan raya dan kesesuaian; dan
- (c) adakah lesen-lesen bas ekspres ini dikeluarkan menurut pertimbangan politik atau kehendak-kehendak yang benar.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):

- (a) Pada ketika itu tiada had umur yang dikenakan bagi bas. Sesebuah bas boleh digunakan di jalan raya sekiranya ianya lulus pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sekali tiap-tiap enam (6) bulan.
- (b) Lesen-lesen bas ekspres yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah berasaskan kepada keperluan sesuatu laluan setelah Lembaga berpuas hati dengan permintaan dan keperluan pengangkutan bas ekspres.
- (c) Lesen-lesen bas ekspres adalah dikeluarkan berasaskan kepada permintaan dan kehendak sebenar permintaan sedemikian.

**KONTRAKTOR GAGAL
MEMBAIKI JALAN STAPANG
DAN SELANGAU**

22. Dr Nicholas Munong Anak Ibau minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kontrak yang diberi kepada sebuah kontraktor yang gagal menamatkan kerja membaiki dan menurap jalan raya kira-kira 20 batu iaitu jalan raya di antara Stapang dan Selangau di Sarawak;
- (b) apakah sebab-sebabnya kontraktor gagal dan adakah kontraktor itu pernah diberi bayaran oleh Jabatan Kerja Raya; dan
- (c) bilakah kerja menurap jalan raya iaitu jalan raya Teku Pasai Siong di Sarawak dijalankan.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok).

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 3 buah kontrak telah diberi kepada kontraktor yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. "Walau bagaimanapun kontrak berkaitan dengan jalan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun ditamatkan pada 9 Jun 1989 dan urusan memanggil tender semula dijadual pada dalam bulan November ini.
- (b) Kegagalan kontraktor tersebut melaksanakan projek jalan raya berkenaan adalah disebabkan oleh:
 - (1) Pengurusan yang lemah.
 - (2) Masalah kekurangan wang aliran (cash flow problem).
 - (3) Menawarkan kontrak yang berharga rendah.
 - (4) Kekurangan pekerja dan jentera.

Mengenai bayaran kepada kontraktor berkenaan Jabatan Kerja Raja memang telah membuat bayaran mengikut kemajuan kerja yang disiapkan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya Teku Ulu Pasai Siong di Sarawak adalah dibawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan saya difahamkan bahawa pada masa sekarang Kerajaan Negeri tidak dapat menurapkan jalan tersebut kerana masalah kekurangan peruntukan.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 12).

**HOSPITAL KERAJAAN—
RAWATAN PESAKIT SINGAPURA**

24. Dr Abdul Hadi bin Derani tntina Menteri Kesihatan menyatakan adakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk menghalang warganegara-warganegara Singapura dari mendapat kemudahan rawatan dari klinik-klinik dan hospital-hospital Kerajaan Malaysia yang bayarannya jauh lebih murah daripada yang dikenakan di Singapura. Adakah Kementerian bercadang mengenakan bayaran yang lebih tinggi terhadap warganegara Singapura sebagai satu langkah mengawal penyalahgunaan kemudahan tersebut.

Tuan Chua Jui Meng: Buat masa ini, Kementerian Kesihatan belum ada cadangan untuk menghalang pesakit-pesakit dari Singapura mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan, kerana kajian masih dijalankan untuk memastikan betapa seriusnya masalah ini. Kadar bayaran perubatan untuk pesakit awam sama ada warganegara atau sebaliknya adalah mengikut Perintah Fee (Perubatan) 1982. Pada masa ini kajian semula mengenai kadar bayaran pembatan sedang dijalankan oleh Kementerian

Kesihatan selaras dengan perkembangan perkhidmatan perubahan di negara ini.

MALAYSIA FEST '89— BANTUAN KEWANGAN

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah sumbangan telah dan akan diberi kepada Negeri Perak atas:

- (a) Sukan SEA Ke XV;
- (b) Fest Malaysia 1990; dan
- (c) Mesyuarat CHOGM.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Saya ingin menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyetuh mengenai Malaysia Fest 1990 sahaja, kerana pertanyaan yang lain iaitu Sukan SEA XV dan Mesyuarat CHOGM bukanlah dibawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan tidak ada kaitan dengan Malaysia Fest 1990,

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah memberikan bantuan kewangan berjumlah \$9,000 kepada Kerajaan Negeri Perak bagi menjayakan Malaysia Fest '89.

Mengenai sumbangan yang akan diberikan kepada Negeri Perak bagi Malaysia Fest 1990, ianya belum ditentukan lagi kerana peruntukan keseluruhan Malaysia Fest '90 masih belum ditetapkan.

PROJEK PERUMAHAN TAMAN BUKIT ANGSANA/TAMAN KOBENA

26. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara dalam usahanya untuk menghidupkan projek Taman Kobena dan Taman Bukit Angsana di Cheras kerana kedua-duanya ialah sekim

perumahan terbengkalai yang terjejas akibat pengambilalihan Bank Pusat Kerjasama.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Usaha-usaha untuk meneruskan pembangunan semula, dengan izin, "rehabilitation" projek perumahan Taman Bukit Angsana sedang diambil oleh pihak Bank Negara. Bank Negara telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mencari jalan yang boleh membantu pembangunan semula projek ini. Oleh kerana projek ini melibatkan beberapa golongan, adalah penting supaya implikasi perundangan yang berkaitan dengannya diteliti dengan mendalam. Langkah untuk pembangunan semula Taman Bukit Angsana akan diambil sebaik sahaja satu cara penyelesaian yang sesuai ditentukan.

Mengenai projek perumahan Taman Kobena, Cheras, pihak Bank Negara telah mengadakan beberapa perbincangan awal dengan pihak KOBENA. Berikutan dengan perbincangan-perbincangan itu, KOBENA telah mengemukakan kepada Bank Negara satu cadangan untuk membangun semula projek perumahan tersebut. Cadangan berkenaan sedang dikaji oleh pihak Bank Negara pada masa ini.

KONSESI KAYU BALAK—ADUAN

27. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar konsesi-konsesi kayubalak merupakan penyebab mengapa berlakunya rasuah yang menjadi-jadi dan, berleluasa di kalangan pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional di Sarawak seperti terbukti oleh pendedahan-pendedahan bersama yang dibuat dalam Pilihanraya Umum Negeri Sarawak 1987 di mana didedahkan bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai pertalian dengan Ketua Menteri Sarawak memiliki

konsesi kayubalak seluas 1.6 juta hektar sementara syarikat-syarikat yang mempunyai pertalian dengan bekas Ketua Menteri Sarawak memiliki 1.2 juta hektar konsesi kayubalak, dan sama ada beliau akan mengarah Badan Pencegah Rasuah menjalankan satu penyiasatan khas ke dalam rasuah duit kayubalak yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman Malaysia (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Saya dapati soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa setakat ini Badan Pencegah Rasuah belum lagi menerima sebarang aduan atau maklumat berasas dari mana-mana pihak yang membolehkan tindakan lanjut diambil. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang tepat berhubung dengan perkara tersebut, Ahli Yang Berhormat bolehlah membuat aduan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah supaya satu siasatan rapi dapat dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BPR tidak akan dapat mengambil tindakan yang berkesan hanya berdasarkan kepada tohmahan tanpa bukti-bukti yang jelas.

SYARIKAT INSURANS MELAKUKAN AMALAN SALAH

28. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat insurans yang telah dilaporkan kepada pihak polis oleh Bank Negara yang melakukan amalan-amalan salah di sisi undang-undang dan menyatakan jumlah yang terlibat; dan
- (b) sama ada apa-apa tindakan telah diambil terhadap syarikat-syarikat insurans tersebut di bawah kuasa yang sedia ada seperti Insurance Act dan The

Insurance (Power to Compound) Regulation 1979 dan jika ya, nyatakan jumlah yang didenda, nama-nama syarikat-syarikat insurans, sebab-sebab mereka didenda dan jumlah terlibat.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Setakat ini pihak Bank Negara telah membuat laporan polis terhadap 5 buah syarikat insurans kerana melanggar peruntukan Akta Insurans, 1963. Di antara kesalahan-kesalahan tersebut termasuklah 2 kes pemberian pinjaman tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Insurans, 2 kes mengemukakan penyata-penyata kewangan tahunan yang dipercayai mengandungi maklumat yang palsu dan 1 kes pecah amanah. Jumlah wang yang terlibat tidak dapat ditentukan kerana kesalahan-kesalahan itu tidak melibatkan kehilangan wang secara langsung tetapi melibatkan peraturan-peraturan pentadbiran. Jumlah wang yang terlibat dijangka boleh diketahui setelah selesai penyiasatan polis nanti.
- (b) Syarikat-syarikat insurans tersebut juga telah dikompaun oleh Ketua Pengarah Insurans atas kesalahan-kesalahan yang berikut:
 - (i) melanggar seksyen 11 (2) (b) kerana melabur aset kumpulan wang insurans dalam sekuriti kerajaan kurang daripada keperluan minimum 25% daripada jumlah aset;
 - (ii) melanggar seksyen 22 kerana gagal mengemukakan penyata berkawanan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan

- (iii) melanggar seksyen 44 (4) kerana gagal menyerahkan baki wang polisi-polisi insurans nyawa kepada Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan.

Tindakan mengkompaun itu dibuat dengan berasaskan kepada peruntukan seksyen 39A Akta dan Peraturan-peraturan Insurans (Kuasa Untuk Mengkompaun) 1979. Jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak \$91,100. Nama syarikat-syarikat insurans itu tidaklah perlu disebut di Dewan ini kerana mereka masih beroperasi dengan baik.

BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR

29. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil berhubung dengan banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan di Kuala Lumpur ini disebabkan projek-projek pembangunan dan juga perumahan tidak menyediakan parit-parit dan longkang terlebih dahulu yang sekarang ini melibatkan banyak kawasan-kawasan perumahan dan juga perkampungan di kawasan Wilayah Persekutuan yang ditenggelami oleh air dan juga memusnahkan harta benda disebabkan banjir kilat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Adalah tidak benar kenyataan bahawa parit-parit dan longkang-longkang tidak disediakan di kawasan projek-projek pembangunan dan perumahan di Wilayah Persekutuan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ada mensyaratkan

setiap projek pembangunan/perumahan mesti menyediakan pelan perparitan yang sempurna dan juga pemaju dikenakan bayaran "sumbangan perparitan" sebelum sesuatu pelan pembangunan/perumahan diluluskan.

Pada kelazimannya banjir kilat berlaku di kawasan-kawasan rendah di hilir sungai (downstream) kerana air tidak meresap ke dalam tanah serta air hujan yang larut turun ke sungai dengan lebih pantas. Di samping itu, pemendapan sungai sering berlaku kerana pihak pemaju tidak menyediakan kolam takungan enapan (slit trap) atau menyelenggara kolam takungan enapan dengan sempurna. Kerajaan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada mempunyai perancangan untuk membina dan memperbaiki sungai-sungai yang cetek dan kecil dan membina binaan infrastruktur seperti pementungan jalan, jambatan dan lain-lain, yang kurang saiznya.

Di samping itu, undang-undang kecil kerja-tanah (earthwork by-law) perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas bagi memastikan pemaju-pemaju perumahan menanam rumput dengan serta merta di permukaan-permukaan bumi yang baru dibersihkan/dibotakkan dan kolam takungan enapan dibina dan diselenggarakan dengan sempurna untuk mengurangkan pemendapan dalam sungai.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

30. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan hutang negara dalam dan luar negeri sehingga 30 September, 1989. Berapakah jumlah faedah yang dibayar oleh Kerajaan setiap tahun daripada jumlah hutang tersebut.

Dato' Loke Yuen Yow: Di samping menjawab soalan yang dikemukakan

oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Larut pada 20-10-89 dan Yang Berhormat dari Sandakan pada 23-10-89.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Ipoh, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada 30 September, 1989 ialah \$89.1 billion meliputi \$66.1 billion sebagai hutang dalam negeri dan \$23.6 billion adalah hutang luar negeri.

Jumlah faedah tahunan yang perlu dibayar atas pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah lebih kurang \$6.2 billion iaitu \$4.2 billion untuk faedah pinjaman dalam negeri dan \$2.0 billion untuk pinjaman luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan nisbah penservisan hutang negara adalah pada tahap 13.5% pada tahun 1988 dan ini dijangka berkurang menjadi 11.8% sahaja pada tahun 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Larut Kerajaan Persekutuan telah memperolehi pinjaman dari beberapa negara. Negara-negara terlibat dan pinjaman yang diperolehi adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Hutang (\$ Juta)</i>
1. Amerika Syarikat.. ..	8,165
2. Jepun.. ..	6,815
3. Jerman Barat	2,504
4. Switzerland,	1,211
5. United Kingdom	431
6. Peranchis	412

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya. Segala bayaran faedah dan pinjaman telah dilakukan mengikut tarikh yang ditetapkan. Dengan sukacita dimaklumkan bahawa kepercayaan negara kita membayar balik hutang tidak pernah diragui dan dipersoalkan oleh pihak

pemberipinjam. Bahkan, institusi-institusi kewangan antarabangsa terus menawarkan pinjaman kepada negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi tahap hutang dan melaksanakan dasar pengurusan pinjaman yang teliti supaya negara kita tidak menghadapi beban hutang pada masa yang akan datang.

PESURUHJAYA KEHAKIMAN KEPADA BEKAS SENATOR PARAMJIT SINGH

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada tawaran telah diberi kepada bekas Senator Paramjit Singh untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman. Sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan terhadap pernyataan awam yang dibuat oleh Paramjit Singh pada 1 Jun tahun ini yang beliau masih memikir sama ada beliau akan terima tawaran perlantikan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pejabat Ketua Hakim Negara telah pun mengeluarkan satu Kenyataan Akhbar tidak lama dahulu yang menyatakan bahawa tawaran perlantikan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman tidak pernah dibuat kepada bekas Senator Paramjit Singh. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan mengenai perkara ini.

HAK ASASI KEMANUSLAAN

32. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Kerajaan berkenaan dengan konsep kebaratan dalam hak asasi kemanusiaan. Adakah Kerajaan menerima konsep ini. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:
 Pada prinsipnya Kerajaan memang mengiktiraf dan menerima hak asasi kemanusiaan, dengan mengambil kira akan kesesuaian dan implikasinya terhadap negara ini.

WARGANEGARA HONG KONG JADI PENDUDUK TETAP SINGAPURA

33. Tuan Haji Mohamed Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan Kerajaan Singapura telah membuka pintu kepada semua rakyat Hong Kong yang ingin menjadi rakyat Singapura boleh datang dan memohon untuk menetap di Singapura apabila Kerajaan British menyerahkan Tanah Jajahan Hong Kong kepada Negara China. Pelawaan ini terbuka kepada semua rakyat Hong Kong;

- (a) apakah pandangan Kerajaan Malaysia terhadap pelawaan Singapura itu; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan kita bagi mengelakkan mana-mana wargaegara Hong Kong yang tidak diterima oleh Singapura sampai ke Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Kelonggaran syarat-syarat untuk mendapatkan taraf penduduk tetap dari warganegara asing di Singapura adalah suatu perkara dalam negeri Republik itu sendiri dan tidak wajar saya membuat ulasan.

Tentang kekhawatiran Yang Berhormat terhadap warganegara Hong Kong yang akan cuba memasuki Malaysia jika tidak diterima oleh Singapura, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Malaysia mempunyai perundangan yang cukup untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana warganegara asing yang cuba memasuki Malaysia tanpa mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Yang Berhormat tidak perlu bimbang mengenai hal ini.

PENJARA MENGALAMI KESESAKAN

34. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan penjara-penjara yang menghadapi masalah sesak di dalam negara ini dan memberitahu keadaan sebenarnya:

- (a) sila beri butir-butir berkenaan masalah sesak dalam penjara ini;
- (b) apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah kerajaan akan ambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjara-penjara yang mengalami kesesakan ialah:

- (i) Penjara Pulau Pinang;
- (ii) Penjara Johor Bahru, Johor;
- (iii) Penjara Kuantan, Pahang;
- (iv) Penjara Taiping, Perak;
- (v) Penjara Alor Setar, Kedah;
- (vi) Penjara Kuala Lumpur.

Untuk mengatasi masalah kesesakan di penjara-penjara tersebut, kerajaan telah/sedang mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Membina penjara-penjara baru. Penjara-penjara yang sedang dibina ialah:
 - (a) Pusat Tahanan dan Pemulihan Dadah Jelabu, Negeri Sembilan;
 - (b) Penjara Penor, Kuantan, Pahang;
 - (c) Penjara Simpang Renggam, Johor;
 - (d) Penjara Terbuka Marang, Terengganu,
- (ii) Mengubahsuai Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping bagi menampung banduan-banduan pra bebas daripada Penjara Taiping.

- (iii) Penjara Kuala Lumpur dijadikan sebagai penjara bagi menempatkan banduan-banduan remand sahaja.
- (iv) Memindahkan banduan-banduan penagih dadah daripada Penjara Johor Bahru, Johor ke Penjara Khas Seremban, Negeri Sembilan.
- (v) Meminta kerjasama Kementerian/Jabatan yang tertentu bagi mempercepatkan pembicaraan ke atas banduan-banduan remand yang telah lama ditahan.

VANTO ACADEMY— PEMBELIAN MIC

35. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis telah mengklasifikasikan laporan polis Kg Rapat Rpt. No. 1166/89 yang dibuat pada 2-6-1989 oleh Encik R. Perumal mengenai penerimaan wang sebanyak \$1,600.00 daripada beliau oleh Menteri Tenaga, Pos dan Telekom, Y.B. Datuk Seri S. Samy Vellu pada 12-5-1984 untuk pembelian institusi pendidikan, Vanto Academy, yang kini dikatakan kepunyaan Malaysian Institute of Educational Development Sdn Bhd., iaitu satu syarikat kepunyaan Malaysian Indian Congress, sebagai kes sivil memandangkan Menteri berkenaan telah mengutip duit daripada orang ramai di seluruh negara dengan alasan bahawa duit itu diperlukan untuk membeli Vanto Academy tetapi tidak memberi sebarang kenyataan akaun malah telah mengatakan bahawa Malaysian Institute of Educational Development Sdn Bhd (MIED) telah menjadi tuanpunya institusi tersebut.

Dato* Megat Junid bin Megat Ayob: Laporan polis yang dibuat oleh Encik R. Perumal telah diklasifikasikan sebagai kes sivil kerana polis berpendapat bahawa kesalahan yang

dilakukan merupakan kesalahan yang tidak lazim ditangkap (non seizable offence).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Oktober, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut. Berapa panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zihin bio Haji Mohd. Hassan: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pendek sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas Ahli Yang Berhormat dari Larut memberi ucapan, saya akan memanggil Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung ucapan saya suka menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Untuk menjawab soalnya saya tidak mengaku bahawa saya jaguh bahasa tetapi sukacita kerana DAP Kepong mengakui saya jaguh politik. Sama ada sedar atau tidak bagi pihak saya, saya memang sedar penggunaan Bahasa Malaysia telah dikendalikan di

universiti-universiti dan di mahkamah-mahkamah rendah. Mungkin rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sahaja yang tidak sedar.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong kononnya kata dia sedar dan bertanya perkara ini kepada saya kerana dia takut dikatakan bahawa ianya tidak ada semangat kebangsaan.

Pada perbahasan ini yang sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Keponglah yang tidak serius di dalam semua hal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung. Masalah kita hari ini ialah penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Dengan pembentangan undang-undang ini, ianya tidak menyusahkan mana-mana pihak. Dalam hal yang sama undang-undang ini belum mengambil sikap yang mewajibkan Bahasa Kebangsaan digunakan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam pembentangannya walaupun ingin Bahasa Kebangsaan digunakan ianya menekankan-keadilan. Keadilan saya rasa mengikut Timbalan Perdana Menteri adalah dengan izin, "of paramount importance". Dalam perlaksanaannya ruang masih ada, pilihan masih ada di mana yang perlu supaya justice, dengan izin, tidak diprejudicekan sebagaimana kata Ahli dari Simunjan, memanglah benar penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah jauh ketinggalan pada masa ini.

Saya suka menekankan Akta ini pada saya sebagaimana yang disebutkan tadi memberi pilihan iaitu penggunaan kedua-dua bahasa boleh mengikut taraf dan masalah-masalah yang dihadapi ke mahkamah supaya keadilan dapat kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merengskakan sebab-sebab kenapa penggunaan Bahasa Kebangsaan ketinggalan:

- (1) Keengganan setengah pihak menggunakan Bahasa Kebangsaan;
- (2) Tidak ada selera menggunakannya oleh kerana ego berpelajaran Inggeris sama ada di luar ataupun di dalam negeri;
- (3) Tidak ada penekanan wajib dari pihak bertanggungjawab setakat ini;
- (4) Kesukaran mendapat rujukan (references) dalam Bahasa Kebangsaan; dan
- (5) Tidak mempunyai semangat kebangsaan walaupun sudah kita mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan dan melemahkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah. Bagi faktor yang ke-(5) sesiapa sahaja yang tidak ada semangat kebangsaan, dan tidak ada daya usaha menggunakan bahasa tersebut atau sengaja tidak mahu menggunakannya bolehlah memilih negara-negara yang sesuai dengan selera dan ego mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan undang-undang pindaan seksyen 8 nyata adalah—saya ulangi, langkah pertama yang perlu diambil setelah kita mencapai kemerdekaan. Seksyen 8 ini tidak menyusahkan sesiapa kerana dalam prosiding-prosiding di mahkamah kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris masih boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Akta ini sungguh sesuai bagi negara yang merdeka yang mana dalam Perlembagaannya ada termaktub Artikel 152 iaitu bahasa rasmi negara adalah Bahasa Kebangsaan. Dengan lulusnya undang-undang ini nanti janganlah ada pula pihak-pihak

tertentu mengambil atau, dengan izin, take advantage, untuk menggunakan bahasa Inggeris sahaja tanpa daya usaha untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan di mana-mana peringkat prosiding yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya diberi peluang oleh Mahkamah Agung Tokyo, Jepun untuk menemui tiga orang Hakim untuk beramah mesra pada tahun 1983, ketiga-tiganya menyambut saya dengan baik dan bertanya, "Tuan boleh berbahasa Jepun?" Saya jawab, "tidak". "Kalau tidak, kita boleh berbahasa Inggeris". Saya rasa ini adalah sikap di mana saya tidak boleh bercakap Bahasa Jepun, Hakim-hakim itu bercakap dengan saya dalam bahasa Inggeris. Kita pun boleh bersikap demikian. Saya diberitahu oleh Hakim-hakim tersebut bahawasanya semua Hakim-hakim dan Peguam-peguam mesti berkelulusan bahasa Jepun dahulu sebelum mereka menjadi peguam ataupun menjadi Hakim-hakim di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan buku rujukan pula, saya diberitahu mereka tidak mempunyai masalah di mana-mana pun mengenai buku rujukan. Yang mana mereka tidak ada buku rujukan di dalam bahasa Jepun, mereka menggunakan bahasa Ingeris. Salahkah kita berbuat demikian? Kita juga berupaya berbuat demikian, apa lagi dengan pertolongan-pertolongan dari semua pihak termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertungkus-lumus untuk menterjemah dan mengadakan istilah-istilah bagi kegunaan perundangan. Kita tidak boleh mengecil-ngecilkan usaha Dewan Bahasa dan Pustaka yang mulia ini bahkan patut memberi sumbangan tambahan kepada mereka dalam hal yang sama. Apakah sumbangan-sumbangan peguam-peguam dari DAP dalam hal ini? Saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang harus kita hapuskan ialah sikap, the attitude, dengan izin, kerana sikap

adalah mustahak. Kalau kita sengaja bersikap angkuh, sombong, tidak mahu menggunakan Bahasa Kebangsaan, maka selama itulah dikatakan Bahasa Kebangsaan tidak lengkap. Saya tidak menuju perkara ini kepada semua pihak. Marilah kita bersama-sama menukar sikap, benar-benar taatsetia kepada Raja dan Perlembagaan, benar-benar berhasrat untuk menjayakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah, jangan lagi ada yang segan-segan berbahasa Kebangsaan. Anggaplah bahasa menunjukkan bangsa dan kita mesti bermegah menjadi rakyat Malaysia yang sentiasa mengagungkan bahasa rasmi negara yang mana juga dapat menyatukan rakyat di negara ini yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, kemahuan atau, dengan izin, determination dan semangat kebangsaan yang luhur yang tidak boleh digugat oleh mana-mana pengaruh dalam dan luar negeri kerana di dalam bahasa Inggeris yang berbunyi, "Where there is a will there is a way" dan di dalam Bahasa Melayunya pula, "di mana ada kemahuan di situlah ada kemajuan dan hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih".

Tuan Yang di-Pertua, menyambung mengenai kemahuan tadi, kita mesti mempunyai frame of mind, dengan izin, yang berjiwa Malaysia, bukan berjiwa Inggeris seperti setengah-setengah orang, walaupun badan bukan Inggeris tetapi berasa mereka itu macam "Mat Saleh".

Tuan Yang di-Pertua, semua orang telah mendengar bahawa "Justice must be seen done", dengan izin, dan kita tidak pernah dengar ada orang berkata, "Justice must be seen done in the English language". Ini pada hemat saya benar-benar menunjukkan bahawa keadilan itu tidak terletak di atas atau dengan bahasa Inggeris sahaja. Dalam mana-mana bahasa pun

kalau keadilan itu dapat dicapai maka bahasa itulah terus digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan boleh dicapai melalui bahasa-bahasa lain. Adakah keadilan dicapai melalui bahasa Inggeris di negara-negara Arab? Adakah keadilan dicapai dengan bahasa Inggeris di German Barat, German Timur, Russia dan Yugoslavia? Adakah keadilan dicapai dengan bahasa Inggeris di Jepun? Adakah keadilan dicapai dengan bahasa Inggeris di Thailand, di Filipina? Jawabnya, semuanya tidak. Jadi apakah lagi yang kita persoalkan? Buat permulaan ini memang ada sedikit kesukaran seperti yang disebut oleh rakan-rakan lain, tetapi sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat, kita boleh merintang walaupun lautan berdiri dan mendaki gunung yang tinggi sekiranya kita benar-benar mahu kepada Bahasa Kebangsaan digunakan di mahkamah-mahkamah mulai dari lulusnya undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan seperti rakan-rakan lain, sebelum seseorang itu, dengan izin, is called to the Bar, ianya mestilah proficient, dengan izin, dalam Bahasa Kebangsaan dan peperiksaan atau ujian khas mesti diadakan. Bagi mereka yang tidak mempunyai kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan di mana-mana peringkat, kita berkuasa dan boleh menentukan tanpa apa-apa excuse lagi, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang bagi langkah pertama semua orang tidak mahu menggunakan Bahasa Kebangsaan merasa sangsi dan susah. Bagi yang mahu tidak ada apa yang menghalang. Berhubung dengan istilah-istilah pula, kita boleh berpandu kepada istilah-istilah yang mana ada yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Begitu juga dalam sejarah perkembangan undang-undang Inggeris, mereka juga meminjam kata-kata dari Latin. Kalau tuan-tuan periaah belajar Roman Law, umpamanya, semuanya dalam bahasa

Latin, hanya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris setakat mana yang boleh. Perkataan-perkataan Latin memang banyak sekali jika kita mempelajari undang-undang Inggeris. Apakah salahnya kita juga sama-sama menggunakan perkataan-perkataan tersebut di samping menggunakan Bahasa Kebangsaan, seperti di dalam Undang-undang Tort, umpamanya, bahasa Latin yang berbunyi, "Res Ipso Loquitor" orang Inggeris juga menggunakan, "Res Ipso Loquitor", tetapi ianya diterjemah atas kadar difahami dan keadilan tidak lari daripada terjemahan itu yang bermakna, "things speak for themselves", dengan izin, iaitu bagi plaintif mendakwa sesuatu itu tidak berlaku sekiranya defendant mengambil tahu dan mengambil berat supaya angkara itu tidak berlaku kalau dijaga. Dalam bahasa Inggerisnya, "improbable such accident would have happened without the negligence of the defendant as decided in Scott London Catherine' Docks".

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Inggeris juga tidak menggunakan perkataan Inggeris di dalam undang-undang jenayahnya seperti, "Res Gestae" yang mana di dalam bahasa Inggerisnya iaitu, "What is called a fact may consist of a series of facts or be the result of one or more facts and so may be conveniently called a transaction". Jni saya tidak boleh hendak kata dalam Bahasa Kebangsaan. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihntn bin Haji Mohd. Hassan: Silakan, tetapi jangan ambil masa lama sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bolehkah fikir dengan betul-betul apakah yang

dibahaskan hari ini untuk cara-cara bagi melaksanakan Bahasa Malaysia, bukan kerana perkataan-perkataan yang tidak cukup, itu kita boleh wujudkan, tidak menjadi masalah, Masalahnya ialah bagaimana kita boleh laksanakan secara rasional, secara takulan. Adakah Yang Berhormat cara-cara yang baik selain daripada menghujah mengenai perkataan Latin, perkataan Bahasa Malaysia, perkataan Inggeris yang sungguhpun dia mengagung-agungkan Bahasa Malaysia tetapi kebanyakan isi kandungannya itu di dalam bahasa Inggeris dan nampaknya jiwa dia berInggeris.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, memang susah hendak jaga Ahli dari Kepong ini, Bukankah di dalam Scksyen 8 mengatakan di mana-mana sahaja prosiding boleh digunakan bahasa Inggeris setengah dan Bahasa Malaysia setengah. Saya pakai ini tidak sampai pun setengah. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengajar Dewan ini, apakah yang dikatakan rasional? Ucapan saya ini saya sudah kata dari mula tadi adalah serius dan tidak ada yang benar melainkan yang benar belaka.

Dr Tan Seng Ciaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat dari Larut berfikir dengan betul-betul. Setakat ini kebanyakan mahkamah terutamanya Mahkamah Rendah boleh menggunakan Bahasa Malaysia dengan betul dan dengan lebih meluas. Kalau begitu apakah masalah sekarang? Takkan kita hendak tekan dan paksaan itu diperlukan masa ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya sedar bahawa di Mahkamah-mahkamah Rendah, Bahasa Kebangsaan digunakan. Mungkin Ahli-ahli, kawan-kawan dan

Ahli dan Kepong sahaja yang tidak sedar. Kita tidak menekankan bahawa kita mengambil langkah yang pertama. Kalau ini pun hendak digaduhkan, maka saya tidak tahu apakah jenis Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah tidak ada. Saya mengambil perkataan-perkataan yang biasa didengar—*"alibi"* umpamanya. Mungkin sudah ramai orang mengetahui makna *"alibi"* ketika perbicaraan jenayah pembunuhan di Gemencih dahulu. Tidak payah saya kupas dengan panjang lebar. Begitulah perkataan-perkataan lain yang mana kalaulah susah sangat kita hendak berbahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah, saya ada mendengar Ahli dari Kepong mengatakan penggunaan Bahasa Kebangsaan akan menjejaskan ekonomi. Betul atau tidak? Kalau tidak betul, bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Yang saya katakan ialah walaupun kita hendak menggunakan Bahasa Malaysia dengan lebih meluas dengan lebih berkesan dengan menggunakan bahasa baku, kita tidak boleh mengabaikan bahasa Inggeris kerana itu sahaja bahasa yang penting seperti mana yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Dia pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu, dia tidak hendak tekankan penggunaan Bahasa Malaysia. Dia berbahasa Inggeris. Nampaknya ada improve sedikitlah sekarang ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya suka menjawab. Tentang penggunaan bahasa Inggeris di lapangan-lapangan lain, kita tidak nafikan. Cuma yang tidak faham ialah Ketua Pembangkang mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap bahasa Inggeris di CHOGM. Takkanlah kita hendak bercakap bahasa Biafra, umpamanya. Kita mesti bercakap bahasa Inggeris kerana semua orang pandai berbahasa

Inggeris. Kalau kita bercakap Bahasa Kebangsaan di situ.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli dari Kuala Terengganu hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Silakan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Larut. Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia yang dikehendaki untuk dilaksanakan di mahkamah ini adalah dalam konteks negara, bukan dalam konteks hubungannya dengan dunia luar sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Larut tadi—CHOGM atau ucapan-ucapan di Bangsa-bangsa Bersatu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong. Penjelasan yang saya mahu daripada Yang Berhormat dari Larut ialah dalam konteks negara kita harus ada satu identiti bahasa. Jadi, identiti satu bahasa yang dimaksudkan di sini ialah Bahasa Kebangsaan. Boleh dikatakan hampir keseluruhan dalam urusan rasmi Kerajaan sudahpun digunakan Bahasa Kebangsaan, cuma yang tinggal lagi ialah mahkamah yang belum digunakan sepenuhnya. Kemudian, selepas pada 32 tahun merdeka berdasarkan kepada peruntukan Artikel 152 Perlembagaan Malaysia memang mengizinkan supaya Bahasa Malaysia ini dipergunakan dalam mahkamah. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dari Larut kalaulah teguran seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong, penekanan penggunaan bahasa mesti diperlahankan sedangkan bendanya sudah diteriakkan bukannya satu tahun atau dua tahun yang lalu bahkan belasan tahun yang lampau oleh pejuang-pejuang bahasa di negara kita. Jadi, apakah itu gambaran sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kepong?

Yang kedua, saya ingin tanya sebagai seorang peguam, dengan menggunakan Bahasa Malaysia adakah ia menjejaskan keadilan kerana sepanjang yang saya lihat dan saya perhatikan bahawa penggunaan bahasa itu tidak ada sedikit pun secara langsung mengenai soal keadilan kerana kita tahu di negara kita bukan orang Melayu sahaja yang terlibat di mahkamah bahkan orang Cina dan orang India dan bukan semua orang Cina itu boleh berbahasa Inggeris, terpaksa dia memberi keterangan dalam mahkamah bila disoa dalam bahasa Mandarin. Begitu juga dengan orang India dan selama ini tidak ada pun orang mengatakan bahawa keadilan tidak diberikan kepada mereka. Jadi, sejauh manakah sebagai seorang peguam bahasa itu memainkan peranan dalam menentukan keadilan? Adakah undang-undang yang menentukan keadilan, cara, prosedur mahkamah yang menentukan keadilan ataupun bahasa?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya bersetuju atas saranan kedua-dua oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi dan keadilan dicapai adalah melalui bahasa dan peraturan-peraturan mahkamah. Saya rasa masalah hubungan luar negeri tadi kita tidak nafikan penggunaannya dan kita perlu kepada identiti sebagaimana yang ditanya kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur tadi. Oleh kerana negara Malaysia perlu kepada identiti maka biarlah Bahasa Kebangsaan menjadi identiti kita untuk mencapai keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, mcmanglah bahasa Inggeris kita gunakan untuk hubungan kita dengan negara-negara lain yang mana kita ada hubungan diplomatik ataupun perdagangan. Saya suka membicarakannya kepada Dewan yang mulia hari ini ketika kita pergi dalam rombongan-rombongan yang dihantar oleh Kerajaan, kita

menggunakan bahasa Inggeris, sama ada kita pergi ke Amerika, Australia ataupun Eropah. Jadi, ini tidak payahlah dibahaskan panjang lebar kerana apa yang kita perlu pada hari ini ialah Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Tuan Yang di-Pertua. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut, hendak beri jalan atau tidak untuk penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada duet di sini. Satunya bunyikan dan yang keduanya itu bunyi yang sama. Yang penting sekali ialah dengan seruan dan saranan tadi itu, adakah Yang Berhormat boleh menjamin keadilan akan dilakukan kerana setakat ini bekas Ketua Hakim Negara dipecat dengan cara-cara yang tidak adil dengan banyak kaedah, banyak prosidur yang digunakan tidak mematuhi keadilan. Adakah Yang Berhormat dari Larut bersetuju dengan cara-cara seperti itu? Adakah ini soal kerana bahasa sahaja ataupun soal-soal yang lain juga?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa Ahli dari Kepong ini tidak faham perbahasan kita hari ini melarat sampai Tribunal dan Hakim-hakim pula. Jadi, lepas ini saya tidak hendak beri kebenaran lagi kepada beliau melainkan kalau dia ada order sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, panjang lagikah? Sudah lama, dekat setengah jam ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi tajuk pada kita hari ini sangatlah disalahfahamkan oleh Ahli-ahli DAP dan Pembangkang-pembangkang yang lain. Kita tidak bercakap Bahasa Kebangsaan sekiranya ada hubungan diplomatik dan ekonomi di mana-mana sahaja kita pergi. Jadi, tidak usahlah didolak-dalik lagi berhubung dengan

langkah untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Ahli dari Jelutong yang mengatakan pembentangan ini adalah didesak oleh Pemuda UMNO pelampau. Bagi Ketua Pembangkang pula mengatakan ini untuk memikat orang-orang Melayu bagi kepentingan UMNO. Saya juga menyangkal punca tuduhan ini. UMNO sebagai parti pemerintah memang sentiasa menarik dan memikat hati orang tanpa apa-apa yang dibahaskan pada hari ini. Justeru itulah UMNO menjadi teras pemerintahan Barisan Nasional kerana penyesuaian dasarnya yang diterima ramai oleh rakyat di Malaysia ini. Kenapakah UMNO menang banyak kerusi sebelum adanya undang-undang ini?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam saya juga berasa dukacita dan sedih kerana Majlis Peguam Negeri Perak tidak menyokong Rang Undang-undang ini dan menyarankan sepatutnya Bahasa Kebangsaan digunakan berperingkat-peringkat, Majlis Peguam itu tidak pula membentangkan peringkat-peringkat yang sepertimana. Juru-cakap Majlis Peguam Perak berkata, ini juga boleh melengahkan perjalanan mahkamah, tidakkah ia tahu kelengahan kes-kes di mahkamah bukan kerana bahasa, kerana setengah-setengah peguam sendiri selalu minta kes di-postponekan. Masalah ini tidak timbul dan saya menyeru semua pihak memberi sokongan dan langkah Kerajaan adalah sesuai pada masa dan pihak-pihak yang berwajib sahajalah yang akan mencari jalan dan terus menggunakan Bahasa Kebangsaan tanpa apa-apa, dengan izin, excuse lagi. Memang benar peguam-peguam

yang lama, yang sudah tua tidak pandai berbahasa Kebangsaan, kita harap peguam-peguam muda yang akan jadi peguam-peguam pintar berbahasa Kebangsaan dan menggantikan peguam-peguam tua "when they are gone", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Amat Berhormat.

4.02 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sama ada yang menyokong atau yang menentang.

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkata perbicaraan terhadap Tun Salleh Abas tidak adil, tidak betul. Sepanjang yang saya tahu perbicaraan itu dijalankan dalam bahasa Inggeris, jadi nampaknya perbicaraan dalam bahasa Inggeris pun ada juga yang tidak adil dan tidak betul mengikut pendapat Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Dia bangun sahaja, saya tidak tahu apa dia hendak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Ya, minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Cakaplah begitu.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tunggu sampai beliau memberi jalan dahulu sebelum saya sampaikan hasrat saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa penjelasannya!

Dr Tan Seng Giaw: Adakah dengan kenyataan tadi Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa keadilan itu tidak wujud semasa perbicaraan Tun Salleh Abbas?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak mahu bahas berkenaan dengan wujud adil tidak adil, kerana ini bukan soal saya, itu adalah soal mahkamah dan soal tribunal. Yang saya maksudkan, pandangan Yang Berhormat dari Kepong, dia berkata tidak puas hati dengan perbicaraan ini, tidak adil dan sebagainya dan perbicaraan itu dijalankan dalam bahasa Inggeris. Jadi perbicaraan dalam bahasa Inggeris pun mungkin juga tidak adil, bahkan dalam bahasa apapun sama ada perbicaraan itu adil atau tidak, bergantung kepada Tuan Hakim, kami semua orang luar tidak boleh campur, kami cuma boleh menjadi pemerhati sahaja dalam apa-apa perbicaraan. Beliau meminta jaminan bolehkah apabila dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan segalanya berlaku dengan adil, sila tanya Tuan Hakim, buat apa tanya saya, saya bukan seorang Hakim dan tidak ada kelulusan jadi Hakim, tidak ada niat hendak jadi Hakim.

Sukacita saya maklumkan suatu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan di Kementerian Kehakiman iaitu Jawatankuasa Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Jawatankuasa ini terdiri daripada 5 orang Hakim dan wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam, Persatuan Peguam Muslim dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah memulakan satu projek kajiselidik untuk mendapatkan maklumat tentang

penggunaan Bahasa Kebangsaan di sektor Kehakiman dan Perundangan dengan tujuan membolehkan tindakan dirancang untuk membantu pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah. Penal penasihat bagi projek kajiselidik ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada Jabatan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam, Persatuan Peguam Muslim, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan yang menawarkan kursus undang-undang dan syariah.

Mengenai soal ujian Bahasa Malaysia bagi peguam-peguam telah pun wujud dalam seksyen 11 (2) Akta Profession Undang-undang yang berbunyi:

"11 (2). Mulai dari 1-1-1984 tiada orang berkelayakan akan diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara melainkan jika sebagai tambahan pada memenuhi kehendak-kehendak seksyen 1 dia telah lulus atau dikecualikan daripada peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia".

Peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia menurut seksyen 3 Akta Profesion Undang-undang ertinya, suatu peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga atau orang-orang lain yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud itu. Lembaga yang telah ditubuhkan bagi maksud mengendalikan peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia terdiri daripada seorang Hakim yang juga menganggotai Lembaga Kelayakan sebagai Pengerusi, seorang wakil daripada Peguam Negara dan seorang wakil daripada Majlis Peguam. Lembaga Kelayakan telah memutuskan bahawa seseorang yang telah memperolehi kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) atau seumpamanya tidak perlu mengambil peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia sebelum

seseorang boleh diterima masuk sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara. Ini bermakna peguam-peguam selain daripada mereka yang mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia dikehendaki mengambil peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia itu.

Mengikut Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan suatu Akta Parlimen yang menamat atau menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi perbicaraan di mahkamah tidak akan berkuatkuasa bagi perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi di Borneo atau sesuatu Mahkamah Rendah di Sabah atau Sarawak atau dalam perbicaraan Mahkamah Agung seperti ditentukan dalam Fasal 4 Perkara 161 sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan telah diluluskan oleh undang-undang negeri Sabah dan Sarawak. Ini akan menghilangkan keraguan seperti yang disebut oleh salah seorang wakil dari Sabah.

Peruntukan di atas ditunjukkan dalam seksyen 1 (ii) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Oleh kerana Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan pindaannya seperti terkandung dalam Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1989, ini menyekat penggunaan bahasa Inggeris, maka Perkara 161 Perlembagaan adalah terpakai dalam perkara ini. Undang-undang tersebut tidak akan terpakai bagi Sabah dan Sarawak sehingga pihak berkuasa kedua-dua negeri itu meluluskan undang-undang tersebut di Dewan Undangannya masing-masing. Tindakan sedang diambil oleh Jawatankuasa kaedah bagi menghapuskan apa-apa percanggahan yang wujud di antara kaedah-kaedah mahkamah yang dibuat di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dengan pindaan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang dicadangkan sekarang. Tindakan juga akan diambil untuk menyelaraskan semua undang-undang yang berkaitan

supaya tidak ada percanggahan dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan ini.

Pindaan yang dicadangkan ini membolehkan sesuatu prosiding di mahkamah dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris, terpulanglah kepada mahkamah dan permohonan mana-mana pihak untuk menentukan sama ada sesuatu prosiding di mana seorang Queen Council telah dilantik, boleh menjalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Pindaan undang-undang Bahasa Kebangsaan ini tidak ada kena-mengena langsung dengan soal perniagaan dan perdagangan. Setiap ahli peraiagaan dan perdagangan bebas menggunakan bahasa yang sesuai bagi mereka itu masing-masing, dengan sebab itu tidak ada lojik langsung kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu, tidak ada apa jawapan yang boleh saya berikan kepada ucapan Ketua Parti Pembangkang kerana beliau cuma berucap semata-mata untuk mempopularkan buku karangan Tun Salleh Abas sahaja yang tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Kenyataan beliau yang menyebut supaya dipulihkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan adalah sesuatunya yang tidak berasas kerana dari sejak mula-mula lagi Kerajaan menyedari dengan ketiadaan sokongan daripada rakyat Kerajaan yang ada pada hari ini tidak akan wujud. Wujudnya Kerajaan yang ada pada hari ini ialah disebabkan adanya kepercayaan rakyat kepadanya. Pilihanraya kecil Bentong dan Teruntum baru-baru ini adalah bukti yang lebih jelas di mana rakyat memberi kepercayaan kepada Kerajaan dan bukannya kepada DAP

atau mana-mana parti Pembangkang yang lain (*Tepuk*).

Wakil Pengkalan Chepa. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau itu hujah Yang Amat Berhormat tadi itu benar dan Yang Amat Berhormat benar-benar mempercayai kerana pilihan rakyat itu kepada Kerajaannya, jadi begitu "confident", begitu yakin diri. Bolehkah Yang Amat Berhormat menjawab seratus satu soalan yang dikemukakan oleh Tun Salleh Abas, jadi itu untuk wujudkan satu keadaan yang adil patutlah Yang Amat Berhormat boleh menjawab dengan meyakinkan diri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, seluruh pengundi di Malaysia akan memberi jawapan di atas soalan tersebut (*Tepuk*) dan hari ini saya baru tahu Wakil Kepong ialah wakil Salleh Abas dalam Dewan Rakyat ini. (*Tepuk*)

Sahabat saya Wakil dari Pengkalan Chepa menyalahkan Kerajaan kerana lambat mengadakan undang-undang seperti yang dibentangkan sekarang. Soalnya ialah mengapa Wakil Pengkalan Chepa sendiri tidak mahu membawa usul seperti ini lebih awal kerana Ahli Dewan berhak membawa usul-usul, pindaan undang-undang dan sebagainya. Bila Kerajaan bawa, Wakil dari Pengkalan Chepa hanya tahu membantah, mengecam sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan. Adakah Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa PAS bukan Wakil Pengkalan Chepa dan hari ini Wakil Pengkalan Chepa sudah beberapa kali bawa usul dan beberapa usul tetapi ditolak oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan sanggup sekiranya PAS bawa usul, Kerajaan akan timbang?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kalau usul itu baik untuk rakyat, kita terima, kalau tak baik, kita tolak. Tetapi usul yang sekarang ini kita bincang soal

bahasa, saya tak perah melihat wakil PAS, Wakil Pengkalan Chepa bawa apa-apa Usul ke dalam Dewan ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih pandangan yang diberi oleh Timbalan Perdana Menteri dan juga sikap Kerajaan membentangkan usul Bahasa Kebangsaan sepertimana kita bahas pada hari ini, walaupun terlewat tidak menjadi masalah bagi Kerajaan, cumanya saya sahaja. Tetapi saya minta penjelasan daripada Timbalan Perdana Menteri, kalaulah kita bentang usul Bahasa Kebangsaan hari ini untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat mahkamah dan kerana Bahasa Kebangsaanlah menjadi keagungan kita dan sebagai kunci perpaduan rakyat dan masyarakat, saya ingin tahu apakah yang menjadi kebanggaan Timbalan Perdana Menteri berucap dengan bahasa Inggeris dalam sidang Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini (*Disampuk*). Adakah usaha untuk mengemukakan dengan bahasa Inggeris untuk memperkenalkan Malaysia ataupun untuk memperkenalkan bahawa saya (Timbalan Perdana Menteri) pun boleh juga bercakap Inggeris, sebab zaman Perdana Menteri Nehru dahulu dia tidak terpengaruh dengan siapa-siapa, tetapi dia akan tunjuk sikap dia sebagaimana usaha Kerajaan Malaysia hari ini mengadakan sidang CHOGM.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Apa soalan dia kepada saya? Nampak dia bersyarah pula lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Berilah peluang kepada saya sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tanya apa yang menjadi kebanggaan Timbalan Perdana

Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang untuk mewujudkan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat mahkamah, tiba-tiba Yang Amat Berhormat sendiri di sidang Bangsa-bangsa Bersatu bercakap bahasa Inggeris, apa menjadi kebanggaan? Adakah hendak memperkenalkan Malaysia sebagaimana kita buat CHOGM hari ini supaya orang kenal Malaysia dan orang tahu kebudayaan kita. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baik, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:tiba-tiba di sana kita bercakap bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menjawab soalnya kerana telah dijawab oleh ramai Ahli-ahli Dewan yang telah memberi ucapan. Apa yang saya hendak sebut di sini, Ahli Pengkalan Chepa kata undang-undang ini sudah lambat, Ahli Kepong kata undang-undang ini terlalu cepat. Nampaknya, dua parti yang cuba hendak berkahwin, sudah mulai bertelagah (*Ketawa*) (*Tepuk*). Sama ada mereka jadi berkahwin atau tidak, itu soal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jelas dalam perbahasan ini menunjukkan bahawa DAP walau apapun alasan yang diberinya tidak ada mempunyai semangat untuk berusaha mengembangkan Bahasa Kebangsaan di negara kita ini. Hujah-hujah Pembangkang jelas menunjukkan bahawa percanggahan yang serius wujud di kalangan mereka sesama sendiri, baik daripada Semangat 46, PAS, DAP dalam perkara ini. Kalau kita ingin melihat satu contoh yang jelas di mana tiga buah parti politik Pembangkang ini telah bertelagah dan berkonflik antara satu dengan lain

berhubung dengan dasar bahasa di mahkamah, maka ia telah bermula di Dewan yang mulia pada ketika ini. Ini adalah satu "show case" yang amat nyata dan terbukti walaupun sekandang, mereka akan bercakaran sama sendiri, sekandang tidak sebau,

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: . . . seperti yang saya selalu mgatkan oleh kerana mereka terlalu banyak berbeza dalam titik pertemuan mereka, maka pertemuan ketiga-ketiga mereka ini hanyalah untuk cita-cita hendak memerintah negara ini sahaja tanpa menghiraukan kemusnahan dan porak-poranda di kalangan rakyat yang mungkin berlaku akibat pemerintah parti-parti politik yang tidak sebau di antara satu dengan yang lain (*Tepuk*). Kalau beginilah keadaan parti-parti Pembangkang, betapa pula dasar mereka mengenai pelaksanaan sistem bank.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: . . . hukum Islam atau syarak di negara ini, dasar ekonomi negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yangdi-Pertua, saya sudah habis . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Itu bererti, tak berilah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: . . . hukum Islam atau syarak di negara ini, dasar ekonomi negara, pelaburan dan kewangan, dasar pelajaran dan sebagainya. Saya berharap rakyat akan menyedari dan mula memikirkan bagaimana ketiga-tiga buah parti ini akan membawa akibat buruk kepada Kerajaan dan rakyat jika dalam soal penggunaan bahasa mereka bertelagah sesama sendiri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat tak beri?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bacaan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *Mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 2 dan 2—

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, saya bangun mencadangkan pindaan kepada Fasal 2, iaitu:

Potong perkataan-perkataan ' , atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris".

Delete the words ' , or wholly in the English language".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan kepada Fasal 2, iaitu potong perkataan-perkataan ' , atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris", sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli dari Jelutong.

4.20ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, pindaan yang ada di hadapan kita sekarang tidak ada bermakna oleh kerana jikaia kita lihat naskah Inggeris bagi Bill ini, jikalau ada potongan "wholly" in the English language, langsung tidak ada bermakna oleh kerana apa yang ada kalau pindaan ini diluluskan. Saya bacakan,

"Provided that the Court may either of its own motion or on application of any party to any proceedings and after considering the interests of justice in those proceedings, order that the proceedings (other than the giving of evidence by a witness) shall be either partly in the national language and partly in the English language. —*shall be either partly in the national language and partly in the English language*",

Mengikut grammar, Tuan Pengerusi, itu tidak ada makna jikalau ada perkataan "either" di dalam seksyen ini. Itu satu perkara yang saya mahu bangkitkan. Perkara lain yang saya mahu bangkitkan Tuan Pengerusi, ialah mengenai apa makna "sebahagian dalam bahasa Inggeris dan sebahagiannya dalam Bahasa Malaysia". Jikalau keadaan seperti itu siapa yang memutuskan pada percentage di bahagian ini—1 peratus atau 50 peratus—apa itu, Tuan Pengerusi.

Saya tahu apa yang terkandung dalam seksyen 8 ini bahawa budi bicara

ada diberi kepada Hakim untuk menimbang dan memberi keputusan, tetapi saya ingin mendapat tahu sekarang, apa tujuan Kerajaan untuk buat pindaan seperti ini. Apa yang ada di dalam fikiran Kerajaan apabila ada proviso ini, adakah 50% dalam bahasa Inggeris dan 50% dalam Bahasa Malaysia atau ada cadangan lain? Bolehkah saya dapat tahu?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

4.23ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan dengan lebih lanjut kepada hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong kerana di dalam versi Bahasa Malaysia tidak ada "sama ada" tetapi di dalam bahasa Inggeris di sini ialah "either partly in the national language and partly in the English language". Di dalam bahasa Inggeris itu tidak betul. Kita patut potongkan "partly" itu kerana tidak boieh, macam mana kita hendak huraikan dan bagaimana kita menentukan dan memastikan sebahagian peratusan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan kalau mengikut bahasa yang lebih tepat di dalam bidang guaman, patut kita tidak memotongkan "wholly in the English language" itu dalam bahasa yang lebih betul. Dalam versi bahasa Inggeris "partly" itu tidak begitu jelas.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Amat Berhormat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soal percentage itu terpulang kepada kebijaksanaan Hakim. Ini menunjukkan Kerajaan bersikap liberal. Kalau ditetapkan, misalnya 50% Bahasa Kebangsaan dan 50% bahasa Inggeris, mungkin menjadi kesukaran kepada penguam-penguam. Sebab itu Akta ini beri

kebebasan kepada Hakim-hakim. Jika Ahli Yang Berhormat baca ucapan saya, saya ada menyebutkan bahawa kalau Hakim-hakim mahu sungguh-sungguh melaksanakan Bahasa Kebangsaan dan diterima oleh peguam-peguam kita, maka tidak perlu lagi kita meminda undang-undang kemudian hari kelak. Memadailah dengan Undang-undang yang ada ini, dan boleh dipakai seberapa lama yang boleh untuk memberikan keadilan kepada peguam-peguam kita. Mengenai berapa banyak ucapan yang mesti disebutkan dalam Bahasa Kebangsaan, saya sudah nyatakan perkara itu terpulang kepada kebijaksanaan Hakim. Boleh jadi satu peratus, boleh jadi satu baris, tetapi kita mesti menghormati Bahasa Kebangsaan kita. Tetapi kalau terus daripada mula bercakap dalam bahasa bahasa Inggeris, nampaknya kita tidak ada hormat langsung dengan Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan-tuan dengar ucapan Perdana Menteri Canada pada masa beliau berucap, beliau mesti menyebutkan sekurang-kurangnya satu baris perkataan dalam bahasa Perancis kerana menghormati orang-orang berbahasa Perancis di Canada. Apa salahnya seperti dalam Dewan ini wakil rakyat menyebut "Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bercakap dalam bahasa Inggeris", itu sahaja sudah cukup dan terpulang kepada Speaker mahu benarkan atau tidak. Tetapi kalau Ahli Dewan bangun terus bercakap dalam bahasa Inggeris, dengan tidak sepatah pun menyebutkan Bahasa Malaysia bilakah masanya Bahasa Malaysia boleh dihormati dan digunakan di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Fasal 2 dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris".

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak potong perkataan "either" itu tidak makna—"shall be either partly in the National Language and partly in the English language".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: The word "either" jikalau tidak dipotong tentu ada masalah pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu terpulang kepada Mahkamah Yang Berhormat, sekarang kita sudah

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, sebagai seorang lawyer tidak ada makna, the word "either" cannot remain—shall be partly in the English language.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebagai seorang peguam, Yang Berhormat mesti sedar kita telah sampai ke satu tahap yang telah meluluskan perkataan itu

Tuan R. Karpal Singh: Bukan itu, Tuan Speaker, jikalau

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kita tidak boleh bincang lagi. Sila baca peraturan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan peraturan, Tuan Speaker, ini point of order. Jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan tidak boleh dipakai di dalam mahkamah oleh kerana

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order nombor berapa, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah nombor (*Ketawa*) ini basic structure, it will have no meaning, dengan izin.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu untuk forum lain, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, did you realise that there is a mistake, dengan izin, ada satu pembedaan yang harus dibuat sekarang, the word "either" must be deleted, dengan izin. Sebagai seorang lawyer beri nasihat kepada rakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: . . . Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Barangkali saya boleh beri nasihat jikalau tidak potong perkataan "either" dalam seksyen 8 ini, tidak ada bermakna, tentu ada masalah di dalam mahkamah pada masa hadapan jikalau sekarang kita potong the word "either". Sila timbang semula.

Tuan Ghafar bin Baba: Kalau Usul ini belum diluluskan, saya boleh beri jawapan.

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 seperti dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.30 ptg.

Timbatan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$758,758,600 dikeluarkan daripada Kumpulanwang disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1988 adalah berjumlah \$683,737,600. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$610,229,700 adalah diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana sebanyak \$73,507,900 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan terbesar sebanyak \$600 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan.

Di samping itu tambahan sebanyak \$10.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri bagi membiayai bayaran emolumen perkhidmatan dan bekatan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain iaitu kenaikan kadar insuran kereta dan kenaikan yuran bagi agensi-perumahan di seberang laut bagi penyewaan rumah-rumah kakitangan dari Malaysia dan bangunan chancery.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1988 ini boleh didapati dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31/89 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A /89.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1989 berjumlah \$157,037,044. Dari jumlah tersebut sebanyak \$145,528,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini kerana bakinya sebanyak \$8,508,344 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang bertanggung kepada perbekalan undang-undang tersebut.

Tambahan peruntukan yang diminta luluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut.

Sebanyak \$112.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$82.9 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan serta projek-projek yang rosak akibat banjir.

Sebanyak \$17.1 juta adalah untuk menampung tambahan peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang dinaikkan daripada \$200,000 kepada \$300,000 seorang dan sebanyak \$12.97 juta bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebanyak \$20 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk caruman ke dalam Kumpulanwang Pendahuluan Diri Pegawai Awam berikutan permohonan daripada Kementerian Pertahanan

bagi menjelaskan bil-bil bayaran yang tidak dapat dibayar daripada peruntukan tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$7.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.42 Jabatan Percetakan Negara bagi membiayai perbelanjaan Mengurus Cawangan Percetakan Keselamatan, Jabatan Percetakan Negara.

Oleh kerana tarikh penswastan cawangan ini telah ditunda daripada 1 hb September, 1989 kepada 1hb Januari, 1990 maka peruntukan bagi emolumen dan perkhidmatan dan bekalan yang telah tidak disediakan dalam anggaran asal peruntukan tahun 1989 perlulah ditambah dalam tahun ini juga.

Sebanyak \$3.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.25 Kementerian Pertahanan untuk membiayai tambahan kos Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri bagi membiayai perbelanjaan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober yang ada sekarang dan pembelian tiga buah kereta kedutaan besar Malaysia di luar negeri

Sebanyak \$0.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membiayai perbelanjaan mengurus Unit Industri Kecil di bawah aktiviti kemajuan perindustrian. Unit Industri Kecil ini telah dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mac, 1989 yang lalu.

Sebanyak \$0.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.10 Jabatan Peguam Negara sebagai sumbangan Kerajaan kepada pusat Timbangtara Serantau Asia dan Pasifik, Kuala Lumpur. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut

mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1989 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32/89 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32A/1989.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1989.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1989 yang dicadangkan berjumlah \$125,681,240. Daripada jumlah ini sebanyak \$120,681,240 adalah perbelanjaan cara langsung dan sebanyak \$5 juta adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan-tambahan bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian atau jabatan adalah seperti berikut.

Sebanyak \$74 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.53 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah iaitu sebanyak \$57 juta untuk projek khas menaikkan taraf upgrade, dengan izin, jalan-jalan di rancangan-rancangan tanah FELDA bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. \$6.9 juta projek bekalan elektrik dan program membantu golongan termiskin bagi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. \$5.4 juta untuk pusat Bandar Jengka dan program membantu golongan termiskin bagi Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, \$4.3 juta untuk menjelaskan bayaran kepada Lembaga Letrik Negara dan program membantu golongan termiskin bagi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah. \$4.1 juta untuk program membantu golongan termiskin dan menyediakan jalan

serta infrastruktur lain di bawah projek kampung tradisional bagi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah. Dan \$2 juta untuk pembinaan jalan tar di bandar Gua Musang dan Program Membantu Golongan Termiskin bagi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$25.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.31 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai pembayaran harga tanah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di Tanjung Puteri, Johor Bahru untuk projek pembesaran Kompleks Kastam.

Sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki di bawah P.7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek Kelab Perkhidmatan Awam dan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk membiayai pinjaman-pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar membina chalet atau rumah penginapan untuk disewakan untuk pelancong-pelancong.

Sebanyak \$4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.21 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk membiayai pembangunan infrastruktur projek-projek pelancongan di Tasik Kenyir dan Sekayu.

Sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Butiran (Projek) Industri-industri Kecil yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1 Mac, 1989 yang lalu.

Yang lain, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuk peruntukan tanda bagi membiayai pelbagai projek dan rancangan di bawah

Maksud P.8—Jabatan Perkhidmatan Awam; Maksud P.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Maksud P.17—Kementerian Belia dan Sukan; Maksud P.19—Kementerian Pertanian; Maksud P.26—Kementerian Pendidikan dan Maksud P.51—Kementerian Kebajikan Masyarakat. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1989 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1989 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.2) 1989

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam peruntukan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan dahpada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud

dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut,

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2) dibacakan kali yang kedua sekarang; dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang; kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2) yang telah dibentangkan tadi dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan pandangan saya sebagai seorang ahli Pembangkang mengenai perkara-perkara yang tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi telah membentangkan satu Rang Undang-undang yang bertujuan untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1988 dan 1989 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1988, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989), Akta Perbekalan 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989). Apabila dibawa ke Parlimen untuk meminta kelulusan Parlimen bagi pembayaran tambahan dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan, saya rasa bahawa adalah penting bagi saya menekankan kepada Kerajaan tentang betapa mustahaknya kejujuran dan tanggungjawab sepenuhnya dalam membelanjakan wang awam dengan tujuan untuk memastikan mandat yang diberi oleh rakyat untuk menguruskan kewangan negara tidak akan disalahgunakan. Oleh kerana ekonomi kita bertambah baik, Kerajaan terdorong untuk membelanjakan lebih dan di sini terletak ujian kecermatan dan pertanggungjawaban kewangan bagi mengelakkan salahguna wang awam. Di samping bersedia untuk memberikan sokongan kita untuk mana-mana perbelanjaan yang berasaskan keperluan sosio-ekonomi rakyat dan bagi tujuan pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan negara, kita akan terus menyuarakan bantahan kita terhadap apa juga bentuk salahguna dan penyelewengan kewangan.

Dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini saya ingin menyentuh beberapa prinsip yang lebih luas berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan yang saya ingin membangkitkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, wang peruntukan tambahan memang dikehendaki setiap tahun menerusi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Sebagai contoh, ada dicatatkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bahawa sejumlah \$600 juta akan diperlukan sebagai satu caruman atau sumbangan kepada Tabung Berkanun untuk diperuntukkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi menjalankan pelbagai projek pembangunan.

Apabila memohon kelulusan untuk Tabung Pembangunan, adalah perlu bagi Kerajaan memastikan bahawa terdapat keadilan dan kesaksamaan dalam melaksanakan projek pembangunan supaya projek-projek pembangunan ini akan dilihat terlaksana berdasarkan keperluan sosio-ekonomi rakyat dan bukan berasaskan kaum. Rekod Kerajaan setakat ini jauh tidak memuaskan dalam menyediakan pembangunan bukan berasaskan perkauman. Ini kerana Kerajaan telah gagal setakat ini dalam membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum yang menjadi salah satu dari dua objektif utama Dasar Ekonomi Baru. Sebuah Kerajaan yang adil dan saksama patut memberikan peruntukan yang lebih bermakna untuk membantu mengatasi kemiskinan dalam Kampung-kampung Baru, ladang-ladang dan membuat satu usaha yang tegas untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak.

Adalah menarik untuk menyatakan di sini bahawa walaupun kadar kemiskinan di Sarawak hanya dikurangkan dari 31.9% dalam tahun 1984 kepada 25.1% dalam tahun 1987, sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru 19 tahun yang lalu. Kadar kemiskinan di Sabah telah meningkat dari 33.1% dalam tahun 1984 kepada 35.2% dalam 1987. Kadar kemiskinan dalam

Kampung-kampung Baru adalah antara yang tertinggi di negara ini.

Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan bahawa di dalam Kampung-kampung Baru sendiri dengan jumlah penduduk lebih kurang 1.7 juta penduduk sehingga tahun 1985, 37% isi rumah Kampung Baru memperoleh pendapatan tunai melebihi \$400 sebulan, manakala 38% lagi memperoleh pendapatan antara \$200 ke \$400 sebulan. Ini bermakna bahawa 63% jumlah isi rumah memperoleh kurang dari \$400 sebulan dan 25% jumlah isi rumah memperoleh kurang daripada \$200 sebulan. Adalah penting bagi Kerajaan memberikan perhatian dan layanan yang adil kepada 452 buah Kampung Baru dan menyediakan satu peruntukan yang lebih besar dan lebih bermakna untuk pembasmian kemiskinan dalam Kampung-kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1976 Kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang \$56 juta untuk pembangunan Kampung-kampung Baru yang jelas tidak mencukupi. Sebaliknya apa yang Kerajaan patut berbuat ialah memperuntukkan \$50 juta setahun untuk pembangunan Kampung-kampung Baru dan pembasmian kemiskinan.

Dalam bidang pendidikan, Kerajaan patut juga memberikan layanan yang adil dalam bentuk pembangunan pendidikan untuk semua sekolah tanpa mengira jenis bahasa pengantarnya, dari segi peruntukan kewangan, dari segi pembinaan sekolah baru, dari segi pemberian kemudahan sekolah, latihan perguruan dan pengurusan bantuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan yang mengambil perhatian berat keperluan sosio-ekonomi rakyat patut juga menjuruskan perhatiannya kepada golongan miskin bandar terutama dalam bidang perumahan. Sebagai seorang Wakil Rakyat dalam

Wilayah Persekutuan, saya suka menegaskan bahawa peruntukan Kerajaan bagi perumahan awam dalam Kuala Lumpur memang tidak mencukupi. Golongan berpendapatan rendah dan miskin dalam Wilayah Persekutuan menghadapi masalah besar untuk mencari tempat kediaman yang murah, Memang berlaku kekurangan yang serius perumahan kos rendah untuk disewa kepada golongan yang memerlukannya. Dan ramai yang tidak mampu membeli rumah-rumah kos rendah mereka sendiri atau menyewa rumah persendirian terpaksa menjadi para setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membahaskan Rang Undang-undang ini saya juga ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila berbillion ringgit wang rakyat atau pembayar cukai dibelanjakan setiap tahun maka Kerajaan mestilah bersedia untuk lebih terbuka dan lebih bertanggungjawab terhadap semua tindakannya. Kerajaan mestilah sentiasa bertanggungjawab terhadap perbelanjaan dan dalam hubungan ini saya ingin menegaskan semula seruan kami kepada Kerajaan supaya menghebahkan, urusan pembelian senjata \$4.6 billion dengan Britain dan tidak diletakkan secara rahsia kerana pembelian alat pertahanan melibatkan berbillion ringgit wang pembayar cukai. Yang Berhonnat Menteri Kewangan pernah memberitahu Parlimen pada tahun yang lalu semasa perbahasan Belanjawan bahawa perbelanjaan untuk membeli alat pertahanan dari Britain berikutan penandatanganan satu memorandum persefahaman antara Malaysia dan Britain akan diperolehi dari Belanjawan. Beliau berkata bahawa sejumlah \$100 juta diperlukan bagi maksud ini dan terpaksa diperuntukkan dari Belanjawan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Rakyat Malaysia memandang berat cadangan pembelian senjata dari Britain ataupun mana-mana negara yang lain yang

melibatkan sejumlah besar wangnya akan dibelanja iaitu \$4.6 billion. Menurut memorandum persefahaman dengan Bhtain cadangan package pembelian adalah termasuk pembelian jet pejuang Tronado, sebuah kapal selam Oberon dan sistem peluru berpandu Rapier dan sistem komunikasi, Wataupun saya tidak membantah pembelian alat kelengkapan pertahanan bagi mengkemas-kini keperluan pertahanan negara kita, saya gagal untuk melihat lojik dan kepentingan Kerajaan membelanjakan beagitu banyak wang untuk pembelian kelengkapan pertahanan atau sebaliknya kita sepatutnya membelanjakan kepada lain-lain keperluan utama negara yang akan memberi faedah langsung kepada semua rakyat.

Pada pandangan saya, perbelanjaan pertahanan patutlah dipotong dan lebih banyak wang patut disalurkan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan pelajaran. Cadangan pembelian senjata dengan Britain jelas merupakan satu kepentingan awam dan mendapat perbatian berat kepada semua pembayar cukai. Kami menggesa Kerajaan supaya mengumumkan butir-butir memorandum persefahaman dan butir-butir lain yang ada kaitan dengan cadangan pembelian senjata selagi butir-butir yang diumumkan itu bukan dijeniskan sebagai rahsia pertahanan. Sesebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan accountable patut memberitahu orang ramai dan bukan disimpan sebagai satu rahsia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Parlimen diminta memberi kelulusan untuk Perbekalan Tambahan, Kerajaan juga mempunyai satu tanggungjawab kepada rakyat dan negara untuk menerangkan mengapa walaupun telah dilancarkan pentadbiran bersih, cekap dan amanah masih terdapat amalan rasuah yang berleluasa, ketidakcekapan, penyelewengan, salahguna dan tidak

ada akauntabiliti terhadap wang rakyat.

Slogan Kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah telah kehilangan semua kredibilitinya kerana konflik kepentingan, pecah amanah dan amalan rasuah yang sekarang sangat bermaharajalela dalam sejarah 32 tahun negara kita.

Salah pengurusan dan bentuk salah laku yang lain telah bertambah dan meningkat hingga mencapai kadar yang tidak dapat dibayangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Skandal penjara baru-baru ini yang mana banduan-banduan tertentu diberikan layanan istimewa, kerugian \$1.1 bilion Bank Bumiputera yang dilaporkan baru-baru ini yang memaksa PETRONAS melakukan penyelamatan yang kedua adalah sebahagian dari banyak contoh yang tidak baik kepada Kerajaan yang hendak melihat sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Kerana sebab inilah, maka kami dalam DAP sekarang menyeru Kerajaan supaya memperkenalkan sebuah pihak-berkuasa yang benar-benar bebas dalam bentuk sebuah sistem "Ombudsman" dengan diberikan kuasa-kuasa sebuah Suruhanjaya Di-Raja untuk menerima dan menyiasat aduan mengenai konflik kepentingan, amalan rasuah atau perlakuan tidak beretika dalam Kerajaan bagi mengekal dan memulihkan keyakinan rakyat terhadap integriti dan kejujuran perkhidmatan.

Penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet bukanlah jawapan untuk mengatasi masalah rasuah dan penyelewengan dalam Kerajaan. Ini kerana penentangan terhadap amalan rasuah dalam Kerajaan tidak sepatutnya melibatkan penyertaan Menteri-menteri Kabinet kerana banyak penyelewengan atau skandal

yang serius dalam masa akhir-akhir ini seperti Kontrak Lebuhraya Utara-Selatan, skandal UMBC, skandal MAMINCO dan banyak lagi ada kaitan antara satu sama lain dengan Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah ekonomi negara kita adalah disebabkan oleh amalan tidak beretika atau tidak bermoral oleh ahli-ahli perniagaan yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan syarikat-syarikat runtuh, bank-bank tidak berupaya membayar hutang, banyak syarikat-syarikat insurans menghadapi kesusahan dan pemaju-pemaju perumahan menangguhkan ataupun menjadikan projek-projek perumahan mereka terbengkalai. Orang ramai telah kehilangan berbillion ringgit kerana masalah penipuan, pecah amanah, (fraud) yang biasanya dilakukan oleh Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk dan peniaga-peniaga ataupun ahli-ahli politik ternama.

Kita tidak boleh mengulangi perkara ini dalam tahun 1990an. Malaysia memerlukan suatu era baru pembangunan etika yang mana kedua-dua sektor awam dan sektor swasta adalah bersih dan dapat dipercayai.

Satu semakan yang komprehensif hendaklah diadakan ke atas semua sektor bagi memastikan kelemahan dan kekurangan dalam undang-undang, pentadbiran dan penguatkuasaan. Undang-undang baru hendaklah diperkenalkan atau pindaan-pindaan dibuat untuk undang-undang yang ada sekarang bagi memperketatkan semua kekurangan ini dan mereka yang melanggarnya mestilah dikenakan hukuman yang setimpal.

Kajian ini hendaklah dibuat ke atas undang-undang dan peraturan pihak-pihak berkuasa dalam urusan bank, dalam insurans, bursa saham, koperasi, industri perumahan, syarikat-syarikat lain dan juga jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan

berkanun, pihak-pihak berkuasa perbandaran dan syarikat-syarikat milik Kerajaan. Hukuman-hukuman jenayah kolar putih ataupun, dengan izin, white collar crime, hendaklah juga diperketatkan.

Sekarang ini, seseorang yang didapati bersalah kerana penipuan berjuta-juta ringgit hanya boleh didenda beberapa ratus ribu ringgit sahaja dan diberikan hukuman penjara 2 tahun sahaja. Undang-undang hendaklah dipinda supaya mereka yang disyaki melakukan jenayah kolar putih, (white collar crime) akan dikenakan pembekuan ke atas harta mereka dan jika didapati bersalah mereka terpaksa memulangkan amaun yang ditipu tenasuk membayar denda yang berat dan diberikan hukuman penjara yang setimpal. Sekian, terima kasih.

5.08ptg.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini iaitu mengenai dengan Perbekalan Tambahan bagi Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita menampakkan bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh beberapa Kementerian selama ini sungguh menggalakkan. Walaupun banyak dipertikaikan oleh golongan Pembangunan di atas usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan kita, Namun demikian, saya rasa dalam beberapa bahagian di dalam Jadual yang ditunjukkan ini, tambahan-tambahan ini memang banyak memberi manfaat kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan mereka.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri yang sedang berusaha menaikkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa, Walaupun dahulunya Malaysia kurang sangat dikenali tetapi Alhamdulillah

sejak akhir-akhir ini bukan sahaja Malaysia dikenali tetapi juga Negarawan Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita amat digemari dan disukai oleh kalangan bangsa-bangsa di dunia. Saya rasa dengan peruntukan-peruntukan dalam Kementerian yang berkenaan tidaklah banyak dipertikaikan kerana usaha-usahanya memang terserlah nampak, apatah lagi dengan adanya kehadiran pemimpin-pemimpin negara luar dalam Persidangan CHOGM yang diadakan di negara kita ini yang menunjukkan betapa usaha-usaha ini mendapat kejayaan di dalam dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalihkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah kerana dalam perkara ini ada sedikit tambahan diminta sebanyak \$74 juta.

Selalunya rakyat-rakyat miskin terutama di kawasan desa amat memerlukan kawasan-kawasan tanah terutama tanah FELDA. Di Kedah, ada ramai mereka yang telah ditemuduga untuk menjadi peneroka-peneroka dalam FELDA ini. Beribu-ribu jumlah mereka. Setelah beberapa tahun ditemuduga kira-kira hampir sampai 10 tahun pun ada, yang umurnya pada masa itu lebih kurang 30 tahun yang kini sudah melebihi 40, yang tidak dapat memasuki rancangan-rancangan tanah FELDA.

Memandangkan pembukaan tanah ini semakin kecil sejak-sejak akhir ini, oleh yang demikian Kementerian ini harus mencari jalan dan usaha supaya lebih banyak kawasan-kawasan tanah FELDA dibuka dan memberi peluang kepada mereka yang amat memerlukan tanah terutama bagi mereka yang miskin yang ada di kawasan-kawasan desa yang terpencil. Lebih-lebih lagi dua hari yang lalu saya mendengar ucapan Yang Berhonnat Timbalan Menteri Pertanian mengatakan ada sejumlah seratus berapa puluh orang nelayan yang telah memasuki rancangan tanah FELDA.

Kalau dibandingkan dengan nelayan yang ada di Kedah, berpuhulh ribu nelayan, kalau hanya sekadar 100 orang sahaja, tidaklah berertinya untuk ditempatkan di kawasan tanah FELDA. Kemungkinan ini harus dipertimbangkan kalau hendak beri peluang kepada nelayan-nelayan ini sekurang-kurangnya nelayan di Kedah akan mendapat tempat di FELDA ini tidak kurang daripada 10 ribu orang ataupun beberapa belas ribu orang. Bukanlah sejumlah 100 orang sahaja dapat dimasuki ke rancangan-rancangan tanah FELDA.

Yang detnikian, usaha Kementerian ini harus diberi perhatian yang benar-benar dan meningkatkan lagi usaha supaya lebih banyak peneroka-peneroka dapat masuk ke rancangan tanah FELDA yang boleh dibuat dah masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada usaha-usaha yang lain di Kementerian Pertahanan. Saya berbanyak terima kasih atas usaha Kementerian ini terutama dalam usaha Kerajaan kita hendak membuatkan senjata dan peluru sendiri. Hakikat ini telah temyata bahawa ketahanan negara kita dari segi keselamatan dan pertahanan negara amat penting. Kita bukan sahaja memerlukan bantuan untuk memajukan negara di bidang ekonomi, tetapi pertahanan juga tidak kurang pentingnya dalam menjaga keselamatan dan keutuhan negara kita sendiri. Kita berterima kasih kalau Kementerian ini dapat Kerajaan memberikan perhatian supaya di samping usaha-usaha kita membangunkan sosio-ekonomi negara, pertahanan negara harus diberi perhatian yang utama. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di keliling negara kita yang harus kita juga berwaspada tentang kegiatan-kegiatan yang lain yang harus diambil kira dalam mempertahankan negara kita sendiri dengan kekuatan yang ada pada kita. Walaupun sebagai sebuah negara kecil, kalaulah kekuatan ini dapat kita

berikan sedikit perhatian, sumbangan yang boleh memberikan kekuatan kepada pertahanan negara kita dan memperbaiki kedudukan tentera-tentera kita. Malahan kebajikan mereka juga harus diberi perhatian oleh Kementerian ini.

Kita sedar bahawa bilangan anggota Tentera kita juga telah bertambah tetapi tempat-tempat kediaman tentera kita yang separuhnya tidak mendapat tempat yang sempurna untuk mereka tinggal. Oleh yang demikian Kementerian ini juga harus memberi perhatian supaya kebajikan anggota tentera kita juga diberi perhatian dan kebaikan, kebajikan mereka dengan mengadakan rumah-rumah yang lebih sempurna untuk kepentingan mereka yang berkhidmat dalam Tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita melihat bahawa satu senjata machine-gun yang baru dipaparkan dalam akhbar kita iaitu menunjukkan satu senjata moden yang dibuat oleh Malaysia. Saya rasa kalau ini dapat ditambahkan lagi dengan lain-lain senjata yang dapat dibuatkan oleh pihak Kerajaan kita, kita amat alu-alukan. Kita jangan hanya bergantung kepada senjata-senjata daripada luar yang harus dibeli daripada luar, kita juga harus memberi perhatian supaya dapat kita membina kilang-kilang senjata yang dibuat di negara kita sendiri. Kalau Proton Saga telah dapat dikenali di negara luar maka kita harap senjata-senjata kita juga akan lebih diminati oleh orang-orang luar negeri juga.

Kita melihat beberapa keadaan-keadaan yang baru ini harus diberi sokongan yang penuh oleh semua pihak dalam kegiatan Kerajaan kita dalam bidang pertahanan ini dan kita harap pertambahan dalam Kementerian Pertahanan ini juga harus dibuat. Bukan sahaja kita mengadakan kapal-kapal Tentera Laut Di-Raja yang baik, kita perlu juga adakan

kapal-kapal selam yang lebih baik untuk menjaga kawasan pantai kita daripada pencerobohan daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sepatah ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini di dalam Mesyuarat ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

5.16ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya ini. Mula-mula saya tidaklah berniat hendak bercakap tetapi sebagai wakil daripada Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) yang julung dan juga atas sanjungan diberi kepada pihak Dewan yang mengalih saya ke tempat yang baru ini, mendorong saya untuk melahirkan atau melafazkan sepatah dua kata atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tentang mana Yang Berhonnat bercakap dalam Bil ini?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Memang akan pergi ke situ. Kerana adat kita Melayu ini selalu kita dengan perkataan manis dulu kita ucapkan sebelum berucap seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini pada hari ini kita dipohon atau Dewan dipohon untuk meluluskan wang yang berjumlah lebih kurang \$610 juta dan juga \$148 juta untuk perbelanjaan tambahan yang telah dipergunakan di tahun ini dan di tahun yang lepas untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan di bawah Kementerian-kementerian yang telah disebutkan di dalam Jadual di depan kita di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa penekanan ke atas menjimatkan wang negara adalah satu perkara yang harus kita teruskan kerana wang negara ialah wang rakyat. Dalam usaha kita membelanjakan wang negara itu, ianya haruslah dibelanjakan untuk kepentingan rakyat jelata bukan hanya untuk segelintir rakyat dan segelintir projek-projek yang hanya boleh menguntungkan segelintir rakyat.

Sebagai Wakil Rakyat daripada kawasan luar bandar, saya memang menyanjung tinggi akan usaha Kerajaan untuk meluluskan banyak peruntukan ataupun duit untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Dan ini yang jatuhnya di bawah Jabatan Perdana Menteri harus saya rasa diperbanyakkan supaya bukan hanya kawasan-kawasan bandar yang mendapat peruntukan yang banyak tetapi kawasan-kawasan luar bandar yang selama ini diiktiraf oleh kita sebagai kawasan-kawasan yang ketinggalan dalam semua bidang harus juga kita beri keutamaan dalam pembangunan. Misal kata jalanraya.

Di kawasan saya, kawasan pilihanraya Simunjan, hanya dalam masa 5-6 tahun ini sahaja ada jalanraya yang menghubungkan Kuching dengan bandar Simunjan. Dan itu pun jalan yang telah dilaksanakan itu belum lagi memuaskan kerana belum diturap dan tidak sempurna dan masih belum memberi keselesaan kepada rakyat di kawasan luar bandar di kawasan saya. Oleh kerana itu saya mohon supaya peruntukan lebih banyak lagi diberi untuk kawasan-kawasan seumpama ini supaya jalan yang belum lagi diturap, yang belum dilaksanakan, dibuat akan dapat ditambah. Begitu juga bekalan elektrik, bekalan air, telefon dan sebagainya. Saya dapati soal ini masih berkurangan di kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai Wakil Rakyat yang mewakili pengundi-pengundi kawasan

luar bandar saya tetap terus memperjuangkan hak orang-orang di kawasan-kawasan luar bandar dan memohon supaya pihak Kerajaan terus membuka mata untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Kita memang bangga dengan peruntukan yang diberi untuk menganjurkan CHOGM, peruntukan yang diberi untuk mendirikan bangunan-bangunan yang tersergam indah yang menjadi lambang kemegahan bagi negara Malaysia. Tetapi dengan lambang kemegahan sahaja dititik beratkan oleh kita tidak akan menguntungkan rakyat. Andai kata kita mempunyai beratus-ratus lambang kemegahan dalam bentuk bangunan yang tinggi, dalam bentuk mengadakan mesyuarat besar-besaran tetapi rakyat menderita, tidak guna sekiranya keadaan di kawasan luar bandar masih ketinggalan di dalam keadaan kemunduran, hasrat usaha kita itu tidak memberi makna kepada kita. Begitu jugalah saya rasa pengawasan yang diberi dalam peruntukan perbelanjaan ini.

Kita memang selalu mendengar bahawa di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk juga yang lebih penting, saya rasa, pemimpin Pembangkang yang mengatakan bahawa kita harus menghapuskan politik wang, politik duit, tetapi politik duit ini baru-baru ini makin hari makin menular dan mungkin akibat daripada politik wang, politik duitlah maka banyak wang rakyat diselewengkan menerusi golongan yang menjalankan perniagaan, mungkin, saya tidak menuduh, tetapi mungkin, itu boleh disiasat, kerana orang politik mungkin kata, "tidak ada duit, macam mana hendak jalankan kerja, kerana tiada duit tidak dapat beli motokar, nanti malu pula sebagai orang pplitik yang memegang jawatan yang tinggi". Ini misal kata. Mungkin ini akan memberi

satu dorongan kepada pihak peniaga menyelewengkan wang Kerajaan atau para eksekutif yang memegang tanggungjawab bagi pihak Kerajaan ke atas badan-badan berkanun, ke atas syarikat-syarikat besar yang mempunyai saham Kerajaan menyeleweng dan menguruskan dengan tidak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang sebagaimana yang telah diperkatakan oleh ramai Ahli Dewan Rakyat bahawa penyelewengkan yang berlaku secara besar-besaran ini, penyelewengkan BMF, MAMINCO dan kemudian Bank Bumiputra yang diselamatkan oleh pihak PETRONAS dan lain-lain, kemudian mengenai keistimewaan yang diberi kepada banduan oleh pegawai-pegawai penjara. Ini sepatutnya menjadi satu panduan kepada kita supaya bertindak dengan lebih cergas agar wang Kerajaan yang datangnya daripada rakyat dalam bentuk cukai dan sebagainya tidak senang diselewengkan dan supaya tindakan yang tegas diambil ke atas mereka yang didapati bersalah tidak kira siapa, sama ada dia Tunkah, Tan Sri, Datokah, Datinkah, Yang Berhormatlah dan sebagainya. Tindakan mesti diambil untuk menentukan supaya wang Kerajaan dan wang rakyat dibelanjakan dengan cara yang baik dan adil. Adil bukan hanya kepada Kerajaan tetapi kepada rakyat jelata yang tidak tahu menahu akan tindak tanduk mereka yang terlibat dalam kes-kes yang menyelewengkan wang Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyanjung tinggi atas daya usaha Kerajaan untuk membelanjakan wang yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk membeli senjata-senjata dan sebagainya itu. Memang saya menyanjung tinggi di atas usaha kita untuk mempamerkan kepada dunia bahawa Malaysia mampu membeli senjata-senjata besar-besaran yang mahal

dan sebagainya, membelanjakan \$4.6 ribu juta wang rakyat. Tetapi kita juga mesti mengambil tindakan, mengambil langkah sebelum berbuat demikian, membuat penelitian akan keperluan asas rakyat-rakyat di negara kita ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Saya fikir kalau kita hendak membelanjakan, boleh, tetapi hendaklah ditentukan bahawa rakyat jelata di kawasan luar bandar tidak lagi menderita, kemudahan asasnya sudah ada, sudah wujud dan mereka itu hidup senang—api, air, telefon sudah ada, jalanraya yang baik sudah ada dan tidak ada kemiskinan melanda di negara kita, saya rasa baharulah yang mahal-mahal seperti ini boleh kita fikirkan. Tetapi sekiranya masih ada, masih wujud, masih prevail, dengan izin, maka kita perlu befikir dua kali untuk menentukan supaya wang yang sepatutnya dibelanjakan sebanyak \$4.6 ribu juta itu dikurangkan kepada \$2 ribu juta, misalnya.

Bangunan tinggi seperti di Sarawak, dewan syurah, sekarang di mana-mana ada dewan ini tetapi saya sendiri pun tidak tahu apa tujuan mengadakan dewan syurah ini. Wang yang dibelanjakan untuk membina dewan syurah ini banyak. Di Kuching ada dewan syurah ini, besar, tetapi penggunaannya, kita tidak tahu. Syurah ini maknanya untuk berhimpun. Masjid pun boleh digunakan untuk berhimpun. Jadi apa gunanya, kita mesti jelaskan kepada rakyat, apa untungnya kita bangunkan bangunan seperti ini supaya dapat menunjukkan kepada rakyat yang kita membelanjakan wang dengan cara yang rasional.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Ini saya tidak berapa jelas, mungkin berkanun. Tetapi kalau sekiranya kumpulan badan-badan berkanun yang mendapat, saya rasa, agensi-agensi Kerajaan ini perlu mendapat penelitian dari Kerajaan, kerana badan-badan ini saya rasa selama ini yang banyak

menyalahgunakan wang Kerajaan dan perlu penelitian dari pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru pihak Kerajaan supaya berhati-hati supaya practise prudence, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, dalam membelanjakan wang ini, accountability berada di peringkat yang tinggi kerana wang yang kita belanjakan adalah wang Kerajaan dan pembangunan ini mesti adil dan saksama, tidak berat sebelah, jangan di bandar sahaja, jangan hanya menitikberatkan soal bangunan yang memegahkan sahaja, yang boleh dilihat oleh orang luar negeri tetapi yang di kampung itu masih menderita. Saya pohon supaya ini dititikberatkan oleh Kerajaan.

Itu sahajalah daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5-29 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2) yang memperuntukkan kesemuanya \$758,758,400 daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan mengurus dan \$125,681,240 yang didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi maksud Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Tambahan Ketiga bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 1988 mencatatkan kenaikan sebanyak 7.11% berbanding dengan anggaran asal yang diluluskan semasa pembentangan belanjawan tahun berkenaan. Secara keseluruhannya, Perbelanjaan Meagurus bagi tahun 1988 iaitu termasuk tambahan terbaru ini adalah 6.64% lebih banyak daripada Perbelanjaan Mengurus tahun 1987. Juga termasuk 3 tambahan yang diperuntukan yang bernilai

\$21,329,586,910.00. Jelas sekali, Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan mengurus Kerajaan telah naik setiap tahun sungguhpun Menteri Kewangan telah memberi jaminan akan mengurangkan nilai ini supaya ia tidak melebihi 5% setahun. Jadi, ini sudah lebih daripada 5% setahun yang menunjukkan dasar dan langkah yang diambil oleh Kerajaan itu tidak begitu berkesan untuk mengurangkan perbelanjaan tersebut. Begitu juga dengan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1989. Dengan tambahan kedua ini, perbelanjaan telah meningkat 1.38% daripada anggaran asal yang dianggarkan berjumlah \$22,285,453,220 semasa pembentangan Belanjawan tahun 1989. Perbelanjaan Pembangunan juga tidak terkecuali. Secara Perbandingan dengan jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi tahun 1988, Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1989 telah meningkat sebanyak 19.24% iaitu daripada \$7,793,986,530 pada tahun 1988 kepada \$9,294,145,710 dengan pertambahan kali kedua bagi tahun 1989 ini.

Kerajaan Pusat nampaknya tidak bertekad hati dalam usaha untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, khususnya Perbelanjaan Mengurus. Menurut pengumuman yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan pada 5hb Oktober 1989, bond Euro Dollar sebanyak \$200 juta dollar Amerika Syarikat, kira-kira \$536 juta akan digunakan untuk program pembangunan sahaja dan tidak akan digunakan bagi Perbelanjaan Mengurus. Diperhatikan bahawa hasil Kerajaan dalam belanjawan tahun 1988 tidak termasuk pinjaman hanyalah \$20,809,540,000. Jelas sekali, tanpa pinjaman Kerajaan tidak mampu menampung Perbelanjaan Mengurus Tahunan.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak menjelaskan bagaimana wang tambahan ini

diperuntukkan tapi mengikut kiraan pihak kami, ini jelas sekali tanpa pinjaman Kerajaan, Kerajaan tidak mampu menampung Perbelanjaan Mengurus Tahunan. Malah berasaskan hasil Kerajaan yang dijangka diperolehi dalam tahun 1989, tanpa mengambil kira pinjaman nilainya hanyalah \$22,744.41 juta.

Tuan Yang di-Pertua, secara perbandingan hasil Kerajaan tidak termasuk pinjaman bertambah sebanyak 9.29% di antara tahun 1988 dengan 1989. Walaupun pertumbuhan ini secara kasarnya lebih tinggi dahpada kepesatan pertambahan dalam perbelanjaan, kita harus terus berhati-hati, lebih-lebih lagi dengan wujudnya kubu Eropah pada tahun 1992. Trend perdagangan dunia, Tuan Yang di-Pertua, semakin hari semakin bersifat protectionist, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu perlindungan. Di samping itu, ekonomi dunia dijangka merosot memandangkan usaha-usaha Amerika Syarikat, kuasa ekonomi yang berpengaruh di dunia untuk mengurangkan defisit perdagangannya kurang berkesan. Mengikut laporan terbaru iaitu pada 18hb Oktober 1989, defisit perdagangan pada bulan Ogos negara tersebut telah meningkat kepada \$10.8 bilion dollar Amerika sedangkan pakar-pakar analisa hanya menjangka kenaikan ke tingkat \$9 bilion matawang dollar Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, defisit perdagangan Amerika Syarikat dengan Jepun kurang berubah iaitu menurun sedikit daripada nilai yang dicatatkan dalam bulan Julai atau daripada \$4 bilion dollar Amerika Syarikat iaitu \$10.8 bilion Malaysia kepada \$3.99 bilion dollar Amerika Syarikat iaitu \$10.77 bilion Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, wujudnya kubu Eropah pada tahun 1992 telah juga menarik perhatian pelabur asing tradisional Malaysia, terutama sekali Jepun dan Taiwan yang menaruh minat

untuk memasuki kubu sebelum pintu gerbang ditutup. Saranan yang ingin saya utarakan di sini ialah menggesa Kerajaan Pusat supaya bertekun lagi dan mestilah benar-benar ikhtas dalam usaha mengurangkan Perbelanjaan Mengurus. Walau pun hasrat Kerajaan ialah untuk mengurangkan kenaikan tidak lebih daripada 5% setahun tetapi nampaknya tidak begitu berjaya dan kita hendaklah melihat dan memandang dengan jauh di dalam tempoh 2,3 tahun hadapan ini, negara-negara seperti Jepun, Taiwan dan juga Korea sekarang walaupun ada industri-industri yang dilaburkan di Malaysia dan di sekitar negara-negara ASEAN tetapi pandangan mereka sekarang sudah pergi ke Eropah kerana ada dasar protectionist yang baru. Mereka akan berusaha untuk menembusi pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik pada soalan Perbelanjaan Pembangunan pula, dalam pengumuman Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan yang disebutkan oleh saya tadi, beliau mengatakan bahawa Kerajaan membuat perancangan untuk menentukan jumlah pinjaman serta sumber-sumber daripada mana pinjaman akan diperolehi awal-awal lagi di permulaan sesuatu tahun.

Dalam hal sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna Kerajaan Pusat sudahpun tahu agaknya berapa jumlah pinjaman yang akan dibuat dan secara tidak langsung, secara kasarnya jumlah perbelanjaan pembangunan yang perlu dibuat dalam sesuatu tahun berkenaan. Pengetahuan ini sepatutnya jelas diperlihatkan semasa pembentangan Belanjawan, sebaliknya kita diberitahu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang jauh lebih rendah semasa Belanjawan dibentangkan. Amat menghairankan sekali yang Kerajaan Pusat tidak dapat membuat ramalan perbelanjaan yang lebih mirip pada kenyataan semasa Belanjawan, tetapi dua bulan selepas itu dapat menganggar pinjaman yang akan diperlukan bagi

perbelanjaan pembangunan tahun yang baru. Bila dipandang secara tersendiri perkara ini remeh-temeh sahaja, akan tetapi pandangan secara meluas atau berasaskan prinsip merujuk perkara seperti kurang pertanggungjawaban kewangan mahupun prestasinya maka sampai bilakah konsep "Bersih Cekap dan Amanah" ini akan dapat menjelma di dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan telah pun diminta di dalam Dewan ini untuk projek-projek kecil infrastruktur yang lebih dahpada \$82 juta. Walaupun di dalam memorandum dan kertas perintah ini ada memuat sedikit yang menyebutkan projek-projek kecil ini untuk infrastruktur, tetapi kerana amaun yang agak besar ini kita perlukan butir-butir yang lebih terperinci lagi kerana nampaknya tiap-tiap kali ada pilihan-raya-pilihanraya kecil peruntukan seperti ini dipergunakan untuk projek-projek, untuk menarik perhatian, untuk memancing undi. Dan saya berharap lebih \$82 juta ini tidak digunakan hanya untuk memancing undi sahaja, tidak sepertimana yang telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri 2-3 hari yang lepas. Beliau memberi jaminan kepada rakyat jelata bahawa bukan sahaja semasa pilihanraya terutamanya pilihanraya kecil Kerajaan memberi jaminan untuk membangun atau membuat projek-projek di kawasan-kawasan yang tertentu, bahkan juga semasa tidak ada pilihanraya pun peruntukan diberi dan pembangunan dibuat di kawasan-kawasan tertentu di seluruh negara.

Saya berharaplah kerana tidak ada maklumat yang lengkap projek-projek kecil ini di mana tambahan diminta pada hari ini digunakan secara betul dengan rasional, dengan rancangan yang berkesan bukan secara *ad-hoc*, secara sementara untuk memancing undi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi iaitu mengenai peruntukan bagi CHOGM, Maksud B.27 ini. Di sini saya hendak menekankan walaupun kita boleh lihat di dalam media massa-media massa, di dalam televisyen terutama sifat-sifat yang begitu megah, yang begitu berkesan dari segi propaganda dapat disiarkan kerana CHOGM dan kalau setuju bahawa isu seperti pencemaran, dadah, Afrika Selatan dasar apartheid, kita terpaksa berusaha untuk mengatasi isu-isu, sebesar ini. Walau bagaimanapun peruntukan yang diberi untuk CHOGM ini. . .

Tuan Shahidan bin Kassim (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah mengambilkira daripada parti Pembangkang DAP yang sentiasa membangkang, tetapi sebagai rakyat Malaysia saya ingin bertanya dengan ikhlas, apakah Yang Berhormat tidak berbangga dengan kejayaan Malaysia menganjurkan CHOGM?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah saya sebutkan tadi isu-isu yang tertentu kita hendaklah berusaha untuk mengatasi, kalau kita mampu untuk mengadakan sidang antarabangsa, kita ukur baju dengan badan kita juga, kalau itu kita mampu atau tidak.

Saya pun tidak tahulah jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh CHOGM kerana di dalam peruntukan tambahan ini diminta lebih \$3 juta sahaja. Tetapi jumlah yang digunakan untuk CHOGM ini saya pun tidak tahu. Walau bagaimanapun dengan protokol antarabangsa kita hendak mematuhi protokol tetapi kita hendak mengetahui juga. Perkataan-perkataan yang manis itu, perkataan

"ceremonial", perkataan-perkataan "upacara" itu memang sungguh puji-memuji yang diadakan semasa CHOGM, memang sentiasa kita dengar dan baca dalam suratkhbar atau akhbar, banyak puji-pujian, memang ada, termasuk Yang Berhormat dari Arau pun dia suka semasa ada temasya CHOGM dan puji-pujian itu digunakan dengan lebih sangat membanjiri semua. Jadi perkataan "upacara" ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah digunakan untuk upacara-upacara terutamanya di dalam protokol antarabangsa. Yang penting sekali kita hendak tahu amaun yang digunakan berapa juta ringgit digunakan untuk temasya ini kerana bagi Ketua-ketua Negara Komanwel memang perbelanjaan itu percuma, mereka dilayan, diraikan dengan begitu mewah sama ada di Pulau Langkawi ataupun di Kuala Lumpur, di kawasan-kawasan lain memang mereka seronok. Kalau Yang Berhormat dari Arau diberi layanan yang sedemikian pun dia seronok juga dan perkataan-perkataan "upacara" yang lebih manis boleh digunakan.

Di sini saya hendak menekankan bahawa kita hendaklah menggunakan perbelanjaan dengan lebih berkesan kalau CHOGM ini diadakan lain kali dan kita hendak tahulah perbelanjaan yang sebenarnya digunakan sejajar dengan amaun yang digunakan dan manfaat yang diperolehi daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang menyentuh perkara Kumpulan Wang Terkanun. Di sini hendaklah saya menekankan bahawa Kumpulan Wang Pembangunan yang ditubuhkan dalam tahun 1958. Sejak tahun 1958 ini apakah amaun wang yang diperuntukkan bagi Kumpulan Wang Pembangunan ini dan juga untuk Kumpulan Wang Terkanun yang lain. Setahu saya tahun 1985 diperuntukkan \$1 billion, tetapi tahun-tahun yang lain tidak didapati, kita tidak tahu amaun berapa billion telah diperuntukkan untuk Kumpulan

Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Terkanun yang lain.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab kerana wang yang diminta dari semasa ke semasa ini adalah wang yang besar amaunnya, dan saya percaya kita haruslah menyemak semula dasar dan keberkesanan mengenai Kumpulan-kumpulan Wang Terkanun. Misalnya Kumpulan Wang Pembangunan kerana itu menelan wang rakyat yang banyak, kita hendak tahu sama ada ini dapat digunakan dengan berkesan sejak tertubuhnya pada tahun 1958.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat menarik perhatian saya iaitu Unit Industri Kecil yang dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sebenarnya, setakat ini Unit Industri Kecil ini diurus di bawah naungan dan di bawah taklukan beberapa Kementerian dan Jabatan dan tidak ada satu Pusat Serenti untuk menguruskan semua hal industri kecil kerana fungsi-fungsi yang bertindih-tindih ini yang saya percaya menghalang pembangunan industri kecil dan industri sederhana yang begitu penting untuk negara ini kerana kalau kita bandingkan industri kecil di negara ini lebih berkesan, lebih bennakna, lebih terpengaruh kepada rakyat tempatan kalau dibandingkan dengan satu factory antarabangsa yang pelaburannya begitu besar. Kerana keberkesanan, kerana implikasi industri kecil ini, kita patutlah mengadakan, misalnya, Pusat Serenti untuk menguruskan semua hal-hal perindustrian kecil di negara ini.

Di sini, walaupun tambahan diminta untuk Unit Industri Kecil dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tidak disebutkan di sini bagaimana ini dibuat dan adakah ini

bermakna fungsi-fungsi yang bertindih-tindih tersebut telah dapat dikemaskinikan untuk pembangunan industri kecil dengan lebih berkesan dan lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu dan dapat dengar hujah daripada Yang Berhormat sama ada dari Arau ataupun dari Hulu Selangor dahulu bahawa imej Kementerian Luar Negeri terutamanya Kedutaan di Amerika Syarikat dan sebagainya tidak begitu berkesan untuk menonjolkan imej Malaysia bagi mempopularkan Malaysia di dunia. Walaupun Yang Berhormat dari Arau . . .

Tuan Shahidan bin Kassim;
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sebab dia telah membuat pembohongan di sini. Saya yang sebenarnya memuji, lebih-lebih lagi saya pada masa itu baru balik daripada Amerika, takkan saya hendak keji pula—saya memuji Kementerian Luar Negeri yang telah dapat menaikkan imej Malaysia, malah saya sama-sama terlibat dalam melobi sehingga kita menang dalam Security Council. Jadi, saya ingat dia telah membuat pembohongan yang mengatakan saya bercakap sebaliknya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia pernah sebutkan fungsi Kementerian Luar Negeri sebelum dia pergi ke Amerika Syarikat, tetapi selepas dia pergi itu, dia sudah seronok sekarang ini. Yang Berhormat dari Hulu Selangor pernah menyentuh hal ini.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor); (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak pernah menyentuh perkara berkaitan dengan Duta di Washington itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak pernah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun pernah dengar di sini. Walau bagaimanapun, maksud saya di sini ialah hari ini ada permintaan tambahan untuk Kementerian Luar Negeri bagi maksud-maksud yang tertentu untuk kakitangan dan untuk Duta-duta di luar negeri. Saya berharap fungsi dan keberkesanan Kedutaan Malaysia di luar negeri dapat dipertingkatkan efficiencynya sehingga dapat menonjolkan imej Malaysia dengan lebih bermakna, lebih berkesan. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.55 *ptg.*

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya berterima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk bangun bersama-sama membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik perhatian saya kepada perbelanjaan tambahan ini ialah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar. Walau macam manapun, kita bersyukur kepada Allah subhanahu wataala dengan limpah ehsanNya bahawa negara kita ini adalah dalam keadaan aman, dalam keadaan yang makin membangun daripada masa ke semasa dan juga seharusnya kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang ada hari ini yang mana dapat memimpin negara kita dengan keadaan harmonis

dan juga membawa perubahan-perubahan yang agak begitu ketara sekali kepada penduduk-penduduk terutama sekali kepada rakyat yang ada di kawasan bandar dan juga tidak kurang kepada masyarakat yang berada di luar bandar.

Tetapi, namun demikian pada hakikatnya oleh kerana keadaan lumrah, kejadian kita sebagai insan yang daif, manusia yang serba kurang sudah tentu wataupun kita menerima berbagai-bagai nikmat dan juga berbagai-bagai kemudahan, tetapi segala kehendak-kehendaknya belum lagi dapat dicapai dengan sempurna. Oleh hal yang demikian, Allah subhanahu wataala berfirman dalam al-Ouran, yang memberi erti: "Kalau manusia bersyukur kepada nikmat yang telah Aku kurniakan, Aku akan tambah lagi di masa-masa akan datang, tetapi sebaliknya kalau manusia tidak pandai bersyukur, sebaliknya mengingkari segala pemberian Tuhan, maka sengsara daripada Allah subhanahu wataala, akibah yang sama-sama kita akan menerima".

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kita kena menerima, jangan kita merasai kegagalan Allah, begitu dan begini, bahawa negara kita ini adalah dalam keadaan aman kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara lain dan juga pembangunan-pembangunan yang telah wujud, yang telah dapat dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan sebagai pemerintah negara ini telah pun kita dapat lihat dengan nyata dan jelas daripada satu tingkat kepada satu tingkat perubahan-perubahan yang berlaku.

Tetapi oleh kerana ada di antara kita perasaan curiga-mencurigai, perasaan tidak puas hati dan perasaan hasad dengki maka kadang-kadang ditimbulkan masalah-masalah yang menjadi remeh-temeh yang boleh membawakan perpecahan fahaman di antara satu'sama lain yang kadang-kadang

akibahnya membawa kepada masyarakat kita juga yang menjadi berbagai-bagai masalah, di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan masalah pembangunan di luar bandar. Memang nyata dan jelas perubahan di luar bandar telah pun wujud dan sedang berjalan dan insya Allah juga akan berjalan. Namun begitu oleh kerana masyarakat di luar bandar melihat dan nampak bahawa segala kemudahan di bandar-bandar dengan jelas lebih ketara perubahannya kalau hendak dibandingkan dengan perubahan yang ada di luar bandar, oleh kerana masyarakat di luar bandar juga bertanggungjawab dan ianya juga hendak mengecapi segala nikmat-nikmat yang mana dikecapi oleh masyarakat di bandar dan dia juga bertanggungjawab sebagai seorang warganegara kepada negara ini, maka oleh sebab itulah mereka di luar bandar melaung-laungkan kepada Kerajaan supaya segala jenis pembangunan yang patut diwujudkan demi untuk kemudahan asas mereka hendaklah disegerakan.

Kita telah 32 tahun merdeka. kalau kita kaji di antara masyarakat di luar bandar, masih banyak lagi kawasan-kawasan yang belum mendapat bekalan api, sedangkan telah lama masyarakat di bandar mengecapi kemudahan ini. Oleh hal yang demikianlah kepada Kementerian Luar Bandar sekiranya projek-projek bekalan api ini belum lagi sampai, kalau boleh hendaklah membuat kajian supaya mereka juga akan dapat dibekalkan dengan kemudahan bekalan api. Kalau bekalan ini dalam proses, kalau boleh janganlah tertampau "slow" sangat, kadang-kadang projek-projek ini memakan masa sampai dua, tiga tahun dan belum lagi siap. Ini juga menjadi masalah kepada masyarakat di luar bandar.

Begitu juga masalah jalanraya. Kita lihat di bandar-bandar jalanraya boleh dikatakan berlapis-lapis ditar, manakala kita melihat kepada masyarakat di luar bandar yang mana mereka juga perlu mendapat nikmat dan rezeki ini, tetapi masih tidak dapat mengecapi dan menikmati jalan-jalan yang baik agaknya sebagaimana yang dikecapi oleh masyarakat yang berada di dalam bandar. Oleh hal yang demikianlah masyarakat luar bandar melaung-laungkan supaya pihak Kerajaan dapat melaksanakan projek-projek ini dengan segera. Kalau-lah kita lihat peruntukan bagi tahun lepas, 2/3 akan digunakan di luar bandar, tetapi sekarang pun masyarakat di luar bandar belum lagi dapat merasai nikmat yang dijanjikan itu. Oleh hal yang demikian saya memohon kepada pihak Kementerian Luar Bandar supaya dapat melaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya jalan-jalan di luar bandar akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Besut bangun. Hendak beri jalan sebab dia minta penjelasan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Boleh.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Tadi Yang Berhormat menyatakan negara kita ini sudah banyak dapat nikmat dan kita patut bersyukur dan orang yang bercakap tidak puas hati itu hanya orang yang mempunyai perasaan hasad dengki. Sekarang ini Yang Berhormat menyebut rakyat luar bandar melaung-laung tidak puas hati kerana tidak dapat mengecap nikmat daripada peruntukan yang diperuntukkan bagi pembangunan luar bandar seperti

bekalan api, jalanraya dan lain-lain kemudahan yang belum dinikmati lagi oleh penduduk luar bandar, tetapi sebaliknya di dalam bandar sudah berlapis-lapis. Jadi, ini mengikut tafsiran saya bahawa Yang Berhormat dari Rantau Panjang juga masih belum puas hati, sebab itu beliau menyuarakan suara-suara rakyat yang tidak puas hati itu. Adakah Yang Berhormat menyuarakan perkara ini lahir daripada perasaan hasad dengki? Kerana saya sendiri berpendapat Yang Berhormat ikhlas menimbulkan perkara ini untuk meyarakan hasrat rakyat sebagai Wakil Rakyat. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita hendak bandingkan sebelum merdeka ataupun baru-baru kita merdeka, memang sekarang telah banyak nikmat-nikmat yang dapat dirasai oleh rakyat di negara ini. Tetapi walau macam manapun, nikmat ini belum lagi dapat dipenuhi oleh seluruh masyarakat di negara ini. Oleh kerana ada di antara masyarakat yang belum lagi mengecapi nikmat inilah maka mereka itu menyuarakan kepada Kerajaan supaya pihak Kerajaan mempercepatkan tetapi mereka itu tidak menaruh perasaan dengki, mereka sentiasa patuh mengikut dan taat setia kepada Kerajaan. Cuma mereka berharap supaya Kerajaan mempercepatkan pembangunan. Adapun yang dengki dan manakala mereka dengki maka mereka keluar daripada parti Kerajaan dan mereka menjadi pembangkang. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: saya menyambung di atas rancangan luar bandar. Tadi saya sebutkan masalah bekalan api dan juga jalan-jalan. Apa yang patut saya kemukakan di sini ialah masalah di luar bandar juga iaitu masalah projek-projek kesihatan kerana kita yakin dan percaya bahawa kesihatan di luar bandar boleh dikatakan sangat berkurangan kalau hendak dibandingkan dengan

kesihatan di dalam bandar-bandar. Oleh hal yang demikian, kesihatan penting kerana mengikut ajaran Rasullullah s.a.w. yang bermaksud "Fikiran yang cergas berada di badan yang sihat". Oleh kerana kesihatan di luar bandar rendah tarafnya, maka saya juga menyeru kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat kita mengatasi lagi segala kemudahan kesihatan di luar bandar. Mudah-mudahan prestasi kesihatan masyarakat di luar bandar akan dapat dipertingkatkan daripada semasa ke semasa, mudah-mudahan kesihatan di luar bandar akan dapat berubah daripada tahap yang ada sekarang kepada tahap yang kita dapat dinilainya di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalami dan memahami telah pun banyak Kerajaan mewujudkan segala agensi Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di antaranya KEMAS dan juga industri kampung. Walau macam manapun, bagi pihak saya sebagai Wakil Rakyat di kawasan Rantau Panjang menyeru bagi pihak Kerajaan supaya kedua-dua agensi ini bagi pihak Kerajaan mengambil berat supaya benar-benar target yang dirancangan oleh Kementerian ini supaya berjaya dan sampai kepada tahap yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh masalah Kementerian Pertahanan. Sekarang kita yakin dan kita percaya bahawa pertahanan di negara kita ini adalah kukuh dan juga dalam keadaan yang agak harmonis tetapi memandangkan kepada satu daripada pengajaran yang dicontoh oleh kaedah, ertinya berjaga-jaga lebih baik daripada kita mengubati. Ertinya sebelum daripada penyakit itu merebak kawalan daripada penyakit ini perlu kita berkawal. Oleh hal yang demikian, saya meminta pihak Kerajaan memperkukuhkan lagi pertahanan negara kita iaitu dengan

menyediakan segala peralatan pertahanan dan juga memberi latihan yang cekap kepada tentera-tentera kita supaya mereka dapat benar-benar mengawasi negara kita ini dalam keadaan aman, harmonis buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja ucapan saya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Marang.

6,03 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberikan pandangan mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya mengadakan satu persidangan di Kuala Lumpur baru-baru ini dan lebih terasa lagi kagum kerana aturcara-aturcara, sambutan-sambutan yang dibuat dan juga kandungan-kandungan persidangan itu menjelaskan kepada kita bahawa negara kita begitu sensitif, peka terhadap seluruh bangsa manusia dalam soal memperkatakan hak sama rata, soal kemiskinan seperti yang berlaku di Afrika Selatan dan juga negara-negara ketiga.

Sehubungan dengan ini saya menyentuh kepada Maksud B27 Kementerian Luar Negeri, saya rasa satu penghargaan perlu diberi kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel ataupun CHOGM yang baru-baru ini diadakan. Dalam Maksud B27 Kementerian Luar Negeri ini peruntukan tambahan dikehendaki sebanyak \$3.261 juta. Melihatkan kejayaan yang gemilang serta membuktikan faedah-faedahnya yang

kelas daripada hasil persidangan ini, saya rasa tidak ragu-ragulah lagi untuk kita meluluskan perbelanjaan yang diminta itu.

Sehubungan dengan ini juga saya melihat sebanyak \$182,700 diminta untuk membeli 3 buah kereta di Kedutaan Malaysia yang berada di New York, Washington dan di Baghdad. Saya rasa begitu simpati kerana ketika saya berada di Washington baru-baru ini, saya Uhat kereta-keretanya sangat uzur dan begitu jauh ketinggalan. Dan jikalau dibandingkan dengan kereta-kereta teksi sewa di Washington, saya rasa taraf kereta sewa itu lebih baik daripada kereta yang ada. Dan kami dahulu mungkin kalau tidak keluar cepat daripada satu kereta Kedutaan kita di Washington, mungkin kereta itu terbakar dan kami mungkin mati. Jadi, saya harap perkara-perkara kereta terbakar, kereta mati enjin ini perlulah diberikan tumpuan segera. Saya dengar cerita daripada driver dan juga pegawai di sana, kereta itu sudah lima, enam tahun dan perlu ditukar. Pendek kata satu cerita di Washington itu sudah menggambarkan kepada kita bahawa permintaan yang dibuat di New York dan juga di Baghdad ataupun lain-lain negara itu perlu diberikan perhatian dan Kementerian Luar Negeri seharusnya tidak perlu mendengar rungutan-rungutan seperti ini tetapi perlulah menyemak serta meneliti daripada masa ke semasa supaya perkara-perkara ini tidak berlaku dan ini menjatuhkan imej kita sendiri tambahan pegawai yang dihantar ke sana itu bukanlah pegawai yang low class tetapi Pegawai Division I yang perlu menjadi Duta Besar ataupun Duta bagi menggambarkan imej negara itu sendiri.

Saya juga menyokong penuh permintaan daripada Kementerian Luar Negeri ini dan saya juga mohon supaya Kementerian Luar Negeri membanyakkan trade mission, dengan

izin, ke luar negeri ini kerana saya lihat trade mission yang dibuat ataupun dirangkakan ini begitu kecil sehingga akibatnya imbalan dagangan biasanya lebih daripada luar negeri daripada negara kita sendiri, jadi, kekurangan rombongan-rombongan dagangan, rombongan pelaburan daripada Malaysia boleh mengakibatkan perimbangan yang tidak seimbang di antara negara kita dan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan B.7 Jabatan Perdana Menteri yang meminta peruntukan sebanyak \$112 juta dan daripada \$112 juta ini sebanyak \$82.9 juta dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan luar bandar. Saudara saya tadi telah pun bercakap tentang soal ini tetapi saya ingin menekankan bahawa telah sampai masanya negara yang telah merdeka ini diberikan perhatian penting dalam soal kemudahan-kemudahan asas. Kita tidak mahu lagi terpekik, terlolong, terjerit ke sana ke mari dalam Dewan, dalam Parlimen ini saban kali waktu menceritakan tentang masalah-masalah sosial dan sebagainya. Tetapi saya juga hendak ingatkan kepada DAP kalau sudah dapat peruntukan itu tidak usah bising-bising lagilah. Sebab saya tahu peruntukan api, air yang diberikan di kampung-kampung baru lebih daripada 90% yang didakwa oleh Wakil dari Bukit Bintang itu dia reka-reka, mengada-ada sahaja. Jadi, kalau sudah dapat peruntukan, kalau hendak dikatakan Kerajaan itu perlu adil, perlulah dilihat di kampung-kampung Melayu ataupun di kampung-kampung luar bandar dan juga di kampung-kampung Orang Asli, di kampung-kampung pendalaman yang mana kita libat dari segi infrastruktur masih lagi ketinggalan kebelakang dan ini perlu ditekankan, diambil kira, tidak usah sangatlah kita hendak lebih-lebih kepada kampung baru, secara beria-ia

benar, sekadar kalau sudah elektrik, air, kemudahan asas itu 90% saya rasa sudah cukup, boleh ditingkatkan tetapi. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua; Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Silakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan Yang Berhormat tadi untuk penjelasan, oleh kerana DAP hanya memperjuangkan satu kaum, apakah ini menunjukkan bahawa DAP ini parti perkauman, bukan parti berbilang kaum.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Lebih kurang begitulah, kalau tidak percaya, tanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pembelaan yang dibuat oleh setengah-setengah parti itu begitu senget, sebab itulah DAP tidak dapat tempat di Terengganu, Kelantan ataupun negeri-negeri Melayu yang lain, kerana parti itu lebih kurang perkaumanlah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri ini saya sangat tertarik kerana apa yang diminta itu untuk menekankan kerosakan akibat banjir. Memanglah tiap-tiap tahun banjir besar sering melanda di Pantai Timur kerana ianya diserang oleh angin monsun pada akhir tahun dan juga awal tahun, jadi perkara-perkara ini perlulah diambil kira dan dibuat satu pandangan yang serius. Saya juga mengharapkan adanya pembinaan-pembinaan penempatan tinggi kerana biasanya apabila musim banjir orang-orang tak boleh lari. Jadi kalau

diadakan penempatan tinggi, saya kira mereka boleh berkumpul di tempat yang tinggi itu daripada lari ke bukit-bukit dan sebagainya. Sudah sampai masanya kita tidak diusir oleh banjir. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun pula.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Kelantan telah mengumumkan untuk menjadikan banjir itu sebagai satu pesta. Jadi apakah peruntukan ini hendak dijadikan macam mana, sebab Yang Berhormat minta kawasan yang tinggi tetapi Kerajaan Kelantan nampaknya hendak jadikannya sebagai pesta pula. Jadi apakah ini bertentangan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak bertentangan, Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila orang datang pesta, "Mat Salleh" datang, pelancong datang, lepas dia jalan selepas pesta mereka duduklah di tempat tinggi itu. Tempat tinggi itu, Tuan Yang di-Pertua, macam rumah tinggi tetapi ramai boleh duduk. Yang kita ada ini balairaya, tetapi balairaya rendah, sekolah-sekolah rendah, walaupun sekolah menengah tinggi tetapi masih rendah kedudukannya. Jadi kita mahu tempat yang tinggi. Puas hati yang bertanya?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat dari segi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di sini diberikan peruntukan lebih kurang \$575,200 dan ditekankan soal memberatkan aktiviti industri kecil yang dahulunya aktiviti ini di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tetapi pada 1hb Mac, 1989 telah dipindahkan ke Kementerian ini. Jadi kalau kita lihat industri kecil ini

satu industri yang sangat penting. Orang Malaysia ini kadang-kadang dia bercakap besar-besar, cerita besar-besar, elok jugalah, buat gudang besar-besar, industri besar-besar, semua besar-besar. Ada juga yang cita lebih besar daripada itu, hendak tumbangkan Kerajaan Malaysia pun ada, tak kisahlah itu, itu Semangat 46 punya stail.

Jadi berbalik kepada yang tadi, kita Uhat perlu industri kecil ini ditekankan, kerana di negeri-negeri maju, saya ambil dua contoh, satu di Hong Kong dan satu lagi di Taiwan. Kejayaan industrinya berkembang bukan bermula daripada industri yang besar, bukan soal komoditi, bukan soal projek yang besar-besar tetapi industrinya boleh dikatakan 80% industri di Taiwan dan juga di Hong Kong adalah bermula dan berkembang daripada industri kecil, industri-industri kampung, industri-industri yang merupakan industri sokongan. Jadi kalau rakyat Hong Kong, Taiwan boleh berbuat demikian dan membuktikan kejayaan mereka, kenapa tidak rakyat kita? Kita mempunyai banyak kemudahan dari segi kraftangannya, dari segi kemudahan asasnya, jadi giatkanlah industri ini, perhebatkanlah. Tetapi saya juga rasa terkejut sedikit, sebab peruntukan yang diminta ini sedikit sangat. Jadi kalau ada DAP hendak bangkang, tak hendak lulus yang \$1/2 juta ini, dia memang tak sokonglah penduduk luar bandar. Jadi kita minta peruntukan sebanyak \$1/2 juta ini bukan sahaja diluluskan tetapi disemak kembali, di tambah kembali di masa-masa yang akan datang, kalaupun tidak pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan B.25 Kementerian Pertahanan yang minta peruntukan tambahan sebanyak \$3,490,100 dan apa yang diminta hanya ditekankan untuk membiayai tambahan kos operasi Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM). Pertahanan ini, saya sangat

bersetujulah diperkuatkan. Tadi ustaz kita telah pun baca Hadis, kena kuatkan pertahanan dan DAP ini tak boleh buat kira sangat, saya tak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyebut bahawa pertahanan ini perlu dikurangkan. Kita sebagai warganegara hari ini mungkin rasa tidak ada apa-apa kerana kita aman, sejahtera tetapi kalau kita lihat dari segi keseluruhannya, kita agak merasa bimbang, cemas, iaitu negara-negara di sekeliling kita dalam konteks ASEAN ataupun bukan ASEAN, yang saya maksudkan Vietnam memang kuat dari segi pertahanannya. Kalau dibandingkan dari segi tentera laut kita, dari segi tentera udara kita mungkin boleh tahan sedikitlah tetapi kalau tentera darat jika dibandingkan dengan yang lain, kita jauh lemah. Kalau tentera udara, saya ingat kita yang paling terkebelakang sekali.

Saya juga bimbang kerana melihat sikap negara jiran di selatan negara kita, hari ini kadangkala meragukan dari segi caranya, bukan sahaja diminta dari segi orang luar negeri, daripada Israel untuk menjadi penasihat dari segi tentera, dari segi alat kelengkapannya, tetapi juga di akhir-akhir ini apabila kita cuba membuat pertahanan bersama dengan Indonesia dan juga negara jiran, kita dapati negara tersebut telah meminta Kerajaan Amerika dan Kerajaan Amerika pula luluskan untuk pertahanannya dan juga untuk set up, dengan izin, satu base di Singapura itu sendiri. Jadi kita bimbang sikap-sikap ini. Saya bukanlah hendak ganggu Singapura saya tak layak hendak ganggu Singapura ini tetapi saya sebagai diberikan suara, perlulah kalau orang lain begitu beria-ia benar panggil daripada tuar negeri, korek buminya pula, buat pertahanan bawah tanah, jadi kita ini semacam begitu sahaja.

Saya bukanlah kata hendak ajak negara kita berperang dengan negara-negara jiran tetapi ini satu yang perlu

kita sensitif. Pertahanan laut kita ini lemah. Saya kira kalau Malaysia diancam daripada dua penjur, satu diserangnya Sabah dan Sarawak dan satu lagi diserangnya Semenanjung dalam keadaan yang serentak, kita tidak mampu. Tetapi kalau mungkin diserang daripada satu penjur, mungkin kita mampu sama ada dari segi pertahanan tentera laut ataupun pertahanan tentera udara, begitu juga pertahanan tentera darat, sebab kita mempunyai sebuah negara yang luas lautnya. Kita sekarang boleh dikatakan laut lebih luas daripada daratan. Kalau dahutu zon ekonomi eksklusif kita tidak ada, hari ini sudah ada. Kalau nelayan kita dahulu boleh pergi ke laut sampai ke 40,000 batu persegi, sekarang ini nelayan kita telah dan boleh pergi ke laut sehingga 160,000 batu persegi. Jadi mungkin disebabkan keadaan geographi kita sentiasa duduk di tengah antara India dan China, duduk di pelabuhan antarabangsa menyebabkan kita sering dilalui, diganggu dan sebagainya. Jadi kalaulah pihak Tentera Laut Di Raja kita tidak boleh hendak jaga nelayan, tidak boleh hendak jaga penceroboh luar negeri, tak boleh hendak jaga perairannya, bagaimanalah pula hendak menjaga pertahanan negara ini.

Jadi soal permintaan Kementerian Pertahanan meminta peruntukan tambahan sebanyak \$3.4 juta ini, saya ingat kecil sahaja. Pendek kata kalau kita bercakap dari segi Kementerian Pertahanan, pertahanan negara ini bukan soal kita hendak beli bot, bukan soal hendak itu sahaja, malahan kapal selam—kapal yang boleh menyelam dalam laut pun kita hendak beli, kita hendak wujudkan. Hari ini kita tidak ada kapal selam, kita tidak mempunyai sistem pertahanan laut yang kemaskini dan yang boleh menyakinkan kita. Mungkin hari ini kita memperolehi kesejahteraan ekonomi, oleh Perseidangan CHOGM yang membanggakan, oleh Sukan SEA yang baik, oleh sosio dan taraf hidup yang

bagus, oleh senario politik yang baik walaupun sekali-sekali berkelahi dengan Semangat 46 ataupun dengan DAP. . . .

Dato' Haji Zakaria uin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Besut bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Marang berkenaan kapal selam yang disebutkan tadi. Betulkah baru-baru ini saya dengar cerita-cerita ada kapal selam kita masuk pukut nelayan di Marang dan telah diangkat naik ke darat? Betulkah atau tidak kerana hanya ada sebuah sahaja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tak betul itu, itu cerita kartun. Mana ada kapal selam boleh diangkat dengan pukut? Pemberita tak usah tulislah, malu sahaja. Yang Berhormat dari Besut, minta maaf, tidak ada.

Jadi mengenai dengan kapal selam ini, dia besar dan dia berharga berjuta-juta ringgit. Jadi memanglah tak boleh diangkat dengan pukut, pukut tarik, pukut sudu, pukut hanyut, pukut pari, kita tahu jugalah benda-benda macam ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira masa dan ketikanya Kerajaan Malaysia perlu sensitif dengan pergolakan perkembangan pertahanan negara-negara jiran periu diambil kira daripada sekarang. Bila kita rasakan kita sejahtera, kita makmur dalam semua aspek yang lain, jangan lupa bahawa pertahanan itu adalah penting. Jangan bila kita kena sesuatu, kena serang, baru masa itulah kita hendak gali lubang, hendak buat perlindungan, hendak buat kubu dan sebagainya.

Saya malas bercakap kerana kita sedar. . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Yang Berhormat hendak habiskah?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi saya gulung sedikit lagi.

Jadi, secara kesimpulannya dapatlah saya rumuskan di sini bahawa perlulah kita kembali dan juga lihat dari segi sistem pertahanan kita supaya menjadi satu bentuk sistem pertahanan yang baik.

Saya sokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 1989 ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab esok dengan kerana

mengikut Peraturan Mesyuarat kita, kita hanya boleh membincangkan hanya dalam satu hari. . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bercakap esok, Tuan Yang di-Pertua, sebelum Menteri menjawab. Saya hendak bercakap hari ini sudah tak sempat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa mengikut Peraturan Mesyuarat kita, kita ada sehari sahaja. Yang Berhormat boleh berucap dalam masa Budget.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.